



● BIL 263 ● 24 - 30 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

kekal untuk Bumiputera

KKR tumpu syarat 3K demi
kesejahteraan rakyat
➤➤ 5

PBAKL, Gutenberg
dan Ts'ai Lum
➤➤ 8

Masih ramai
bersifat plastik
➤➤ 9-11

Langkah awal kekang defisit belanjawan negara

Pacu pembangunan ekonomi

AZLAN ZAMBRY

PENYELARASAN semula diesel yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan defisit belanjawan negara setiap tahun.

Penganalisis Ekonomi dari UniKL Business School, Profesor Madya **Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid** berkata penjimatan dari rasionalisasi pendapatan kerajaan ini dapat digunakan dengan lebih bijak iaitu menumpukan kepada pembangunan ekonomi negara supaya lebih mampan dan berdaya saing.

“Dari segi saiz ekonomi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia telah pun turun ke tangga keenam dalam kalangan negara ASEAN berada di belakang Vietnam dan ini menunjukkan Malaysia perlu lonjakan ekonomi yang lebih besar bermula dari dalaman negara dengan penyusunan kewangan dahulu.

“Potensi daripada penjimatan ini sebenarnya boleh digunakan untuk pelaksanaan projek-projek pengembangan ekonomi masa hadapan yang berjangka sederhana dan panjang,” katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Beliau berkata penyelerasan subsidi pukal kepada menyasar merupakan inisiatif kerajaan MADANI untuk membuat perubahan besar kepada struktur ekonomi negara.

“Dengan peningkatan jumlah subsidi yang terus meningkat setiap tahun di mana lebih 50 peratus adalah subsidi bahan api, perbelanjaan RM80 bilion ini perlu dihentikan dari terus meningkat kerana ia sudah pun membebaskan kewangan negara dan melebarkan defisit belanjawan negara setiap tahun.

“Selain itu, antara perkara yang mendukacitakan kita adalah setiap RM1 pendapatan kerajaan sekarang ini, kira-kira 16 sen dibelanjakan hanya untuk membayar kadar faedah sahaja dan ia tidak termasuk prinsipal hutang RM1.2 trilion,” katanya.

Aimi Zulhazmi turut menyatakan bahawa langkah diambil kerajaan ini bermula di Semenanjung Malaysia terlebih dahulu untuk melihat bagaimana ia dilaksanakan dan sekiranya berjaya, maka ia akan ditingkatkan lagi secara berfasa keseluruh negara dan merangkumi RON95,

LPG dan merasionalisasikan subsidi kepada golongan yang betul-betul memerlukan.

“Pelaksanaan atau penstrukturan semula ini akan mengambil masa untuk mencapai keberkesannya. Kerjasama semua pihak haruslah dipupuk dalam mencapai hasrat memajukan Malaysia.

“Ketirisan yang sebelum ini berlaku hendaklah ditangani dengan penguatkuasaan

yang tegas tanpa kompromi. Bukan mudah kerana ia merubah kebiasaan puluhan tahun dan juga memerlukan komitmen mental dan komunikasi yang baik dengan semua golongan masyarakat,” katanya.



AIMI ZULHAZMI

Kata Aimi Zulhazmi lagi penjimatan yang diumumkan iaitu RM4 bilion dapat disalurkan semula dalam bentuk bantuan tunai kepada golongan B40 dan M40, malah menerusi Perutusan Negara tersebut, ia menunjukkan komitmen kerajaan untuk melabur sebahagian penjimatan itu dalam melahirkan pekerja mahir, pakar industri bertaraf dunia melalui program pendidikan yang meluas dan

besar.

“Lebih ramai pelajar akan dapat menikmati bantuan kos pembelajaran di dalam dan luar negara, yuran, elaun sara hidup yang lebih tinggi, laptop percuma dan sebagainya.

Katanya, dalam melahirkan generasi bijak pandai, kerajaan juga boleh membesarkan lagi peruntukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) setiap tahun serta peruntukan untuk membantu mengkomersialkan penciptaan barangan dan perkhidmatan keluaran anak tempatan.

“Teknologi dan pendaftaran patent, hak milik intelek perlu ditingkatkan dengan belanja yang lebih besar sekiranya mahukan Malaysia menjadi negara maju.

“Negara lain seperti Taiwan dan Korea Selatan yang pernah mundur dahulu kini menjadi negara maju dengan bertunjangkan pembangunan teknologi secara besar-besaran.

“Malaysia tidak hanya boleh mengharapkan pelaburan langsung asing (FDI) sahaja, bahkan perlu mempunyai teras teknologi tempatan yang perlu dilabur dan diberi peluang berkali ganda, ini hanya dapat dicapai sekiranya negara mempunyai peruntukan perbelanjaan yang besar dan berdaya saing,” katanya.

INTIPATI PERUTUSAN NEGARA

● Kerajaan beri jaminan tindakan keras terhadap pelaku insiden serangan, pelampau dan keganasan

● Ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 4.2 peratus pada suku pertama 2024

● Cita-cita Ekonomi MADANI iaitu menaikkan lantai dan siling atau mengangkat darjat hidup rakyat dan menstrukturkan semula ekonomi bagi melonjakkan Malaysia sebagai jaguh di rantau Asia

● Kerajaan MADANI serius mahu menambah pendapatan rakyat

● Khazanah Nasional Bhd telah menggerakkan usaha melahirkan usahawan baharu sektor bertumbuh tinggi dengan dana RM1 bilion

● Insiden serangan: Pasukan keselamatan beri jaminan keadaan akan kembali tenang

● Kerajaan tidak akan masuk campur proses kehakiman, beri ruang sepenuhnya kepada PDRM, SPRM banteras rasuah, ketirisan hasil negara

● Ekosistem perniagaan sedang diperluas dan ditambah baik antaranya bagi kluster elektrik dan elektronik di wilayah utara dan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura

● Kerajaan serius gubal Dasar Gaji Progresif melibatkan sektor swasta

● Bagi 2024, setakat Mac, negara berjaya menarik potensi pelaburan asing berjumlah RM76.1 bilion

● Kerajaan jimat RM4 bilion melalui penyasaran subsidi mengikut penggunaan elektrik

● Kabinet setuju laksana penyasaran subsidi bahan api dimulakan dengan diesel, libatkan pengguna di Semenanjung Malaysia

● Jumlah penjimatan kepada kerajaan dijangka (secara kasar) sekitar RM4 bilion setahun daripada usaha penyasaran subsidi diesel

● Kerajaan setuju sediakan bantuan tunai kepada pemilik individu

Kerajaan mahu bantu rakyat B40, M40

PENYUSUNAN kewangan negara menerusi penyelerasan diesel dapat memberikan lebih banyak ruang untuk membantu rakyat khususnya dalam meningkatkan produktiviti menerusi penyaluran peruntukan untuk sektor kesihatan, pendidikan dan infrastruktur.

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** menyatakan dengan dasar sedia ada, sukar untuk kerajaan meningkatkan daya saing ekonomi negara berikutan sebahagian besar perbelanjaan ditumpukan kepada subsidi bahan api yang telah menjangkau hampir RM48 bilion.

“Kerajaan mensasarkan penjimatan RM4 bilion hasil dari langkah terbaharu dan ia boleh disalurkan tiga sektor iaitu pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang berupaya meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi negara.

“Kerajaan juga perlu berbelanja ke arah sektor pendidikan untuk melahirkan

graduan berkemahiran tinggi, sektor kesihatan dengan meningkatkan kemudahan di fasiliti kesihatan dan menambah bilangan doktor dan memperkasa infrastruktur seperti kemudahan jalan raya, telekomunikasi dan sebagainya kerana ia penting untuk kelestarian,” kata beliau ketika dihubungi.

Katanya bantuan sedia ada ketika ini tersasar berikutan ia turut dinikmati oleh golongan yang berkemampuan malah ada juga yang turut menerima elaun perjalanan yang diberikan syarikat pada masa sama turut menikmati subsidi daripada kerajaan.

“Selain itu kaedah yang lama turut berdepan isu penyuludupan diesel yang banyak dilaporkan dari sempadan darat hinggalah di tengah laut, jadi ketirisan ini telahpun berlaku dan berlanjutan begitu lama maka instrumen subsidi yang

sewajarnya untuk membantu rakyat jelas ada kelemahan dan ia perlu diperbaiki,” katanya.

Mohd Afzanizam berkata beliau menjangkakan bermungkinan akan berlaku kesan terhadap harga barangan keperluan selain para peniaga pula akan menggunakan

alasan sama untuk menaikkan harga barang.



MOHD AFZANIZAM

“Kerajaan mesti meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang supaya unsur manipulasi harga dan aktiviti sorok barangan serta kartel dapat ditangani dengan sistematis dan mengekang amalan songsang yang menyusahkan rakyat ini,” katanya.


Menurut Mohd Afzanizam, reformasi ekonomi yang dilakukan ini dilihat hala tuju kerajaan untuk mencapai sasaran negara berada di kedudukan kelompok 30 negara ekonomi terbesar di

dunia dalam tempoh 10 tahun.

“Kita sedia maklum tempoh tersebut, pelbagai risiko kejutan ekonomi akan berlaku kerana ia berkait dengan geopolitik dunia seperti krisis di Timur Tengah dan Eropah Timur yang memberikan kesan langsung kerana ekonomi Malaysia terbuka dan berkait dengan situasi global.

“Yang penting, usaha kerajaan ini untuk menyusun sumber supaya ia dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan produktiviti negara. Perbelanjaan ke arah tiga sektor itu berupaya meningkatkannya.

“Jika produktiviti negara tinggi, maka banyak produk dapat dihasilkan dan industri akan menjadi lebih kompleks dan pecahan-pecahannya akan mewujudkan peluang pekerjaan yang boleh dinikmati oleh rakyat kita dan secara langsung akan meningkatkan pendapatan negara sekali gus mengembangkan saiz ekonomi akan menjadi lebih besar,” katanya.



Fahami dengan teliti objektif penubuhan sebelum beri pendapat

UiTM imbangi sosioekonomi Bumiputera

AZLAN ZAMBRY

POLEMIK mengenai cadangan memasukkan bukan Bumiputera ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) dilihat sebagai cubaan untuk memberikan gegaran kepada kedudukan dan juga keharmonian kaum terutama melibatkan kefahaman terhadap struktur perlembagaan.

Pemerhati politik dan Pensyarah Kanan (Komunikasi Liberal) Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM, **Dr Abdul Aziz Azizam** menegaskan bahawa semua pihak telah sedia maklum bahawa matlamat penubuhan UiTM di bawah Perlembagaan Persekutuan khusus bagi mengimbangi sosial dan ekonomi melibatkan kumpulan majoriti iaitu orang Melayu serta Bumiputera Sabah dan

Sarawak.

“Kita perlu lihat objektif UiTM adalah untuk meningkatkan keupayaan orang Melayu khususnya dari segi sektor kemampuan pendidikan dan kestabilan sosio ekonomi.

“Fungsinya sangat berat dan jelas serta jika kita tidak memelihara UiTM pada dasar dan apa yang sepatutnya seperti sekarang ini, kita akan mendapati kesukaran pada tempoh masa 20 hingga 30 tahun akan datang,” katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Jelas Abdul Aziz semua pihak perlu faham objektif penubuhan institusi itu

terlebih dahulu dan tidak perlu diperbesarkan mengenai isu tersebut berulang kali.

“Jika kita betul-betul hendak melihat dengan isu



ABDUL AZIZ

Bumiputera dan bukan Bumiputera, kita perlu bercakap mengenai sekolah satu aliran terlebih dahulu iaitu dengan menyelesaikan perkara berkenaan di peringkat itu dahulu (sekolah satu aliran) kenapa tiba-tiba kita hendak polemikkan UiTM?,” katanya.

Justeru itu, Abdul Aziz menyarankan agar semua pihak perlu berhati-hati dan bertanggungjawab di dalam menyebut perkara-perkara yang sensitif berkenaan UiTM.

“Sebenarnya, tidak menjadi apa-apa isu tetapi saya agak terkilan beberapa warga sendiri serta kumpulan pendidik dan beberapa individu di dalam UiTM dan di luar yang memberi kenyataan-kenyataan yang seolah-oleh tidak memahami objektif dan tidak memahami tujuan dan penubuhan UiTM sendiri.

“Saya fikir mereka perlu berhati-hati sebelum melontarkan apa jua pendapat kerana ia bersifat liar tidak akan memberikan manfaat kepada UiTM sendiri.

“Malah jika mereka tidak memahami objektif UiTM mengenai penubuhan dan sebagainya, bolehlah terlebih dahulu merujuk objektif itu dan meneliti terhadap keperluannya kepada negara kita,” katanya.



SEJARAH UiTM bermula sejak tahun 1956 dengan penubuhan Pusat Latihan RIDA, cetusan idea Datuk Onn Ja'afar, Presiden dan pengasas UMNO hasil daripada lawatan sambil belajar ke Sri Lanka demi memartabatkan masyarakat Melayu luar bandar melalui pendidikan dan pembangunan ekonomi.

Berikut adalah pecahan pencapaian utama UiTM:

1956: Ditubuhkan sebagai Pusat Latihan RIDA di Petaling Jaya, memberi tumpuan kepada kursus perakaunan, simpan kira dan persediaan.

1965: Menamakan semula Institut Teknologi MARA (ITM) dan mendapat kuasa untuk menawarkan program diploma.

1976: Akta ITM ditubuhkan, menyediakan rangka kerja undang-undang untuk operasi institusi.

1997: Penubuhan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) menandakan permulaan pendidikan peringkat siswazah di UiTM.

1999: Dinaik taraf kepada universiti dan dinamakan semula sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Satu langkah penyusunan semula utama diikuti untuk mengoptimumkan sumber UiTM.

2004: UiTM mencapai pensijilan ISO 900: 2000, menjadi universiti pertama di dunia yang menerima pengiktirafan ini untuk pengurusan keseluruhannya, termasuk tadbir urus korporat, perkhidmatan sokongan, pengajaran dan pembelajaran.

Hari ini, UiTM berdiri sebagai institusi pengajian tinggi terbesar di Malaysia, dengan rangkaian kampus yang luas di seluruh negara dan menawarkan kursus yang komprehensif daripada program asasi hingga ijazah sarjana muda.

Jangan belakangkan Perlembagaan Persekutuan

KEMENTERIAN Pendidikan Tinggi (KPT) telah menegaskan bahawa tidak ada sebarang perbincangan pada peringkat kementerian atau kabinet mengenai cadangan membuka Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada pelajar bukan Bumiputera.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata isu berkenaan sengaja dimainkan pihak tertentu.

“Isu ini ternyata sengaja dijadikan polemik dan dimainkan oleh pihak tertentu yang cuba mengganggu-gugat polisi serta objektif asal penubuhan UiTM sekali gus menimbulkan kecelaruan dan perbalahan pelbagai pihak,” katanya dalam kenyataan Rabu lalu.

Menyambut baik penjelasan tersebut, Persekutuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia turut senada menolak keras cadangan membuka kemasukan UiTM kepada pelajar bukan Bumiputera ke institusi pengajian tinggi itu.

Presidennya, **Saiful Azhar Shaharun**



SAIFUL AZHAR

ketika dihubungi menjelaskan bahawa semua pihak perlu memahami bahawa UiTM mempunyai akta tersendiri yang tertakluk di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan berkait dengan keistimewaan Melayu, anak negeri Sabah dan Sarawak.

“Penubuhan UiTM ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dengan universiti lain kerana penubuhan institusi pengajian tinggi lain itu menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 (AUKU),” katanya kepada Wilayahku.

Beliau menegaskan pandangan yang dilontarkan merupakan cubaan untuk membelakangkan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan tiang seri negara ini.

Saiful Azhar berkata keberadaan UiTM sebagai institusi pengajian tinggi yang memayungi hak dan keistimewaan orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak terbukti apabila ramai dalam kalangan alumni dan bekas pelajarnya telah

mencipta pelbagai kejayaan yang sekali gus mengharumkan nama UiTM dan negara.

“Ini jelas membuktikan bahawa *status quo* sebagai universiti Melayu Bumiputera tidak pernah menghalang UiTM untuk terus berjaya setanding dengan yang lain,” katanya.

Saiful Azhar berkata pihaknya meletakkan kepercayaan dan pengharapan yang tinggi kepada kepimpinan tertinggi universiti serta kementerian untuk terus istiqamah menjaga amanah ini demi agama, bangsa dan negara.

Terdahulu, portal berita kesihatan melaporkan Anggota Lembaga Program Parallel Pathway UiTM-IJN, Profesor Dr Raja Amin Raja Mokhtar dipetik sebagai berkata, UiTM bersetuju membuka laluan kepada pelatih bukan Bumiputera mendapatkan pendidikan lanjutan bidang kardiotoraks di universiti berkenaan.

Walau bagaimanapun cadangan tersebut mendapat tentangan pelbagai pihak dan mencetuskan polemik yang berpanjangan berikutan ia dilihat cubaan membelakangi objektif penubuhan universiti berkenaan.

Anwar utamakan keamanan rakyat pelbagai kaum

INDEKS Kebebasan Media Dunia baru-baru ini merekodkan kejatuhan signifikan Malaysia sebanyak 34 anak tangga daripada 73 ke 107 dalam tempoh setahun.

Susulan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikecam hebat oleh netizen yang menganggap beliau tidak membenarkan kebebasan media sejak Kerajaan MADANI ditubuhkan.

Malah tuduhan tersebut juga turut menuduh sebarang media yang cuba untuk mengkritik kerajaan akan diambil tindakan atau berada dalam pemerhatian.

Memetik kenyataan Anwar ketika ditemu bual penyampai Al Jazeera, Sami Zeidan dalam Program Talk To Al Jazeera baru-baru ini, beliau mengakui terdapat had kepada kebebasan media, terutama berkaitan perkara sensitif seperti kaum, agama dan raja (3R).

“Dalam melaksanakan kebebasan media, kita tidak akan membenarkan tindakan yang



ANWAR ketika ditemu bual penyampai Al Jazeera, Sami Zeidan dalam Program Talk To Al Jazeera baru-baru ini.

boleh mencetuskan rusuhan atau membahayakan keselamatan awam.

“Tidak kisahlah sama ada kita diturunkan (kedudukan dalam Indeks Kebebasan Media), tetapi apa yang penting ialah kritikan dibenarkan, isunya apabila menyentuh 3R, mengutuk kaum,

agama, mengajak dan menghasut melakukan rusuhan, tidak boleh ada perkara itu dalam negara kami,” katanya.

“Namun di bawah pentadbiran saya, kerajaan tidak pernah menahan mana-mana wartawan atau mengharamkan mana-mana surat khabar di negara ini kerana

mengkritik kerajaan,” ujar beliau.

Walaupun begitu, menurut Anwar, isu dakwaan mengatakan Yang di-Pertuan Agong dalam cadangan penubuhan kasino di Johor, beliau tidak akan sesekali berkompromi dengan pihak yang menyentuh institusi Raja Melayu.

“Perkara ini boleh memberikan kesan signifikan terhadap sentimen orang ramai sekali gus ia sangat berpotensi mewujudkan keadaan tidak baik.

“Pertama, ia suatu fitnah dan keduanya, menyentuh Perlembagaan Persekutuan. Malah fakta itu adalah salah kerana tidak ada cadangan untuk membuka kasino,” ujar beliau.

Diharapkan masyarakat tidak lagi sewenang-wenang membuat hantaran bersifat palsu, jelik dan mengancam kerana ia adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. 

Dakwaan kerjasama dengan Israel adalah hasutan

Isu jual saham MAHB tidak berasas

KECOH dalam media sosial mendakwa sebahagian saham syarikat aset strategik negara iaitu Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) telah dijual dan sudah dimiliki oleh syarikat pro-Israel iaitu Global Infrastructure Partners (GIP) yang difahamkan merupakan anak syarikat BlackRock.

Tindakan pihak tidak bertanggungjawab telah mengakibatkan majoriti rakyat melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke bermuka-muka.

Perspektif tersebut membentuk pandangan negatif sekali gus turut mendakwa Anthony menggadaikan kedaulatan negara.

Kemarahan rakyat juga dipacu oleh BlackRock sebagai penyokong Israel.

Tidak mudah melenting, Anwar tampil menyifatkan dakwaan yang dibangkitkan pembangkang itu hanyalah semata-mata untuk melahirkan kebencian rakyat kepada kerajaan.

“Tiada yang positif daripada dia (pembangkang), hanya menghasut penuh dengan kebencian dan dengki. Segala kenyataan kita yang diakui oleh dunia termasuk pertemuan dengan pemimpin Hamas Ismail Haniyeh tidak beri sesuatu yang positif kepadanya sebaliknya yang dicari adalah fitnah dan hasutan.

“Ringgit dan bursa bertambah mengukuh itu hanya menyakitkan hati mereka (pembangkang),” katanya dalam sidang media pada hari terakhir lawatan kerja rasmi dua hari ke Kazakhstan, baru-baru ini.



DAKWAAN yang mengatakan Khazanah menjual saham MAHB kepada syarikat asing adalah tidak benar. - Gambar hiasan

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan yang mengatakan bahawa Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membeli saham MAHB sehingga 70 peratus manakala lima peratus lagi akan dikuasai kerajaan Abu Dhabi.

Sementara itu, Anthony menafikan dakwaan Khazanah menjual pegangan saham miliknya dalam MAHB kepada sebuah syarikat berkaitan syarikat pro-Israel.

Malah, kata beliau Khazanah hanya mengumumkan tawaran sukarela prasyarat untuk memperoleh semua saham yang belum dimiliki melalui dua anak syarikat milik penuhnya, UEM Group Bhd dan Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP).

“Melalui aktiviti ini, Khazanah akan menambah pegangan dalam MAHB, tindakan ini tidak bermakna Khazanah menjual kepentingannya dalam MAHB bahkan Khazanah dan KWSP menambah pegangan dalam MAHB.

“Dakwaan mengatakan Khazanah jual saham MAHB kepada syarikat asing, itu tidak betul.

“Bila dalam pasaran saham, Khazanah campur KWSP hanya 40 peratus selepas konsortium ini ambil secara swasta, Khazanah dan KWSP akan tubuhkan konsortium dan mereka akan menguasai majoriti saham dalam MAHB,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat National Logistik Task Force (NLTF) Kementerian

Pengangkutan di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya.

Sebelum ini, media melaporkan Gateway Development Alliance (GDA) dan pemegang sahamnya mengumumkan tawaran sukarela prasyarat untuk memperoleh semua saham dalam MAHB yang belum dimiliki oleh konsortium itu pada harga tawaran RM11 sesaham.

Konsortium itu diketuai oleh dua syarikat pelaburan berkaitan kerajaan Malaysia, Khazanah Nasional Bhd melalui anak syarikat milik penuhnya, UEM Group Bhd dan KWSP.

“Langkah Khazanah bertujuan melaksanakan hala tuju MAHB dengan lebih cepat tanpa melalui kelulusan lembaga pengarah yang ada kalanya berbeza pandangan dengan kerajaan,” ujar beliau. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

24/5 - 2/6: PBAKL 2024 @ WTCKL

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park



PUTRAJAYA

22/6/24: Conquer The Miles @ Dataran Wawasan

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

TIMBALAN Menteri Kerja Raya, **DATUK SERI AHMAD MASLAN** terus memacu dan menggalas tanggungjawab serta amanah yang diberikan dengan cemerlang.

Aduan atau masalah yang diterima Kementerian Kerja Raya (KKR) serta agensinya menjadi pembakar semangat beliau dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

Berfikir kritis, segala perancangan masa hadapan sudah diatur beliau dengan teliti untuk kesejahteraan rakyat. Dalam masa yang sama, beliau berusaha untuk memendekkan tempoh mana-mana projek pembinaan atau pembaikan di negara bagi kebaikan semua pihak.

Ikuti wawancara khas Wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** bersama Datuk Seri Ahmad Maslan.



KKR tumpu syarat 3K demi kesejahteraan rakyat

Apakah antara rangka kejayaan atau dasar yang berjaya pihak datuk atau kementerian raih bersama?

Umum sedia maklum kalau melibatkan Kementerian Kerja Raya (KKR), mereka mungkin hanya fikir tentang isu-isu yang melibatkan jalan, namun, sebenarnya ia turut melibatkan sektor industri pembinaan, bangunan, perumahan, pembinaan pasar raya dan sebagainya.

Di pihak KKR juga kita menjaga kontraktor-kontraktor bagi mematuhi segala peraturan daripada segi kepantasan dalam menyiapkan sesuatu projek itu serta yang paling penting ialah keselamatan.

Baru-baru ini, saya menyempurnakan Penyerahan 12 Projek Siap yang dilaksanakan oleh agensi KKR iaitu Jabatan Kerja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) dengan enam daripada 12 projek dapat disiapkan lebih awal daripada tarikh penyediaan kontrak.

Secara umumnya, saya mahu menyumbang satu pendekatan yang lebih positif iaitu memastikan projek-projek dapat disiapkan lebih awal dengan menggunakan pendekatan termoden iaitu penggunaan teknologi kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) supaya wang rakyat dapat diijmakan, kecekapan komuniti pembinaan dapat dipertingkatkan dan yang paling penting kualiti pembinaan terhasil mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Apakah antara cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh perkhidmatan datuk?

Sudah tentunya banyak cabaran yang saya dan pasukan terpaksa



harungi demi memberikan perkhidmatan yang terbaik. Walau bagaimanapun antara yang sukar ialah bagaimana pihak kami mengagihkan sebarang kontrak kepada kontraktor yang betul-betul layak secara adil dan telus, ia bagi mengelakkan sebarang projek yang tertangguh dan hilang begitu sahaja.

Selain itu, saya juga ingin melihat supaya pembinaan di negara kita untuk menepati syarat-syarat 3K iaitu (kos, kepantasan, kualiti).

Ia bukan satu perkara yang mudah namun saya percaya ia dapat dicapai dengan penelitian yang mendalam serta rangka kerja yang bagus.

Berapa banyak jumlah kontraktor yang terdapat dalam negara?

Jumlah kontraktor yang terdapat setakat ini, dianggarkan sekitar 130,000 bagi kontraktor G1 hingga G7.

Kini saya sedang berusaha bagi membantu bangunkan kontraktor-kontraktor kecil yang banyak di negara kita ini.

Masalah jalan berlubang atau tidak rata saban hari didengari, bagaimana pihak YB atau kementerian menyelesaikan perkara ini?

Kebanyakan jalan berlubang terkait dengan jumlah trafik yang tinggi di laluan tertentu.

Bagi negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, kegiatan ekonomi, aktiviti industri dan pembinaan yang rancak adalah antara penyebab atau penyumbang kepada masalah ini.

Justeru itu, usaha kita adalah memastikan bagi setiap jalan ini ditampal atau diperbaiki dalam masa yang singkat.

Sebagai contoh, bagi jalan persekutuan, kerja-kerja pembaikan jalan perlu dilakukan dalam tempoh 24 jam.

Kalau dilihat juga sebenarnya di Malaysia terdapat 11 jalan di bawah seliaan yang berbeza, jalan persekutuan, jalan negeri, jalan bandar, jalan kampung, jalan pertanian, jalan belakang rumah, jalan persendirian, jalan ladang, jalan balak, jalan pulau dan lebuhraya.

Jadi masalah jalan ini ada pihak-pihak juga yang akan menyelia bagi menjaga mutu jalan-jalan tersebut.

Apakah wujudnya skuad pemantauan dan cara mudah bagi melaporkan sebarang kerosakan jalan?

Ada skuad pemantauan di setiap jalan-jalan tersebut, seperti di jalan persekutuan terdapat syarikat konsesi yang ada prosedur operasi standard (SOP) untuk melawat setiap hari dan memantau keadaan jalan itu.

Jadi mereka tak perlu menerima keluhan rakyat baru nak ditampal sebab mereka bertanggungjawab atas jalan-jalan tersebut yang ditanam kepada mereka.

Selain itu, kami juga mempunyai aplikasi MyJalan yang telah diluncurkan sejak Ogos tahun lepas. Ia merupakan sistem aduan bagi menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat supaya kerosakan jalan raya atau perabot jalan dapat dibaik pulih tidak kira milik siapa jalan itu.

Melalui aplikasi ini juga semua jenis aduan jalan akan diterima walaupun yang bukan diselenggara KKR, selaras prinsip 'No Wrong Door Policy' atau dasar menyalur penambahbaikan terutama ketika berlaku kecemasan.

Berapa banyak aduan yang diterima melalui aplikasi itu?

Sejak pelancarannya sebanyak 14,797 aduan berkaitan kerosakan jalan raya, lampu isyarat dan lampu jalan, papan tanda, perabot jalan, kemudahan awam dan sebagainya.

Daripada jumlah itu, sebanyak 4,049 aduan (27.36 peratus) membabitkan jalan di bawah seliaan agensi KKR.

Selebihnya iaitu 72.64 peratus atau 10,748 aduan adalah melibatkan jalan bandar, jalan kampung, jalan pertanian dan lain-lain di mana aduan-aduan tersebut telah disalurkan kepada jabatan berkenaan.

Sebanyak 3,287 (81.18 peratus) telah diselesaikan oleh agensi KKR di mana 3,118 atau 94.86 peratus diselesaikan dalam tempoh satu hingga 30 hari manakala selebihnya sedang dalam proses tindakan.

Berapa banyak peruntukan yang diterima serta kos untuk membaiki jalan?

Secara keseluruhan KKR menerima sebanyak RM9.511 bilion peruntukan bagi tahun 2024 dibahagikan sebanyak RM949.37 juta bagi bajet mengurus serta RM8.561 bilion bagi bajet pembangunan.

KKR juga memperuntukkan sebanyak RM3.3 bilion dari tahun 2018 hingga 2023 bagi kerja-kerja penyelenggaraan turapan di jalan-jalan persekutuan di Malaysia yang melibatkan sepanjang 3,821.03 kilometer.

Sepanjang tahun lalu sahaja, sebanyak 5,959 bilangan jalan berlubang dilaporkan di jalan-jalan persekutuan Semenanjung Malaysia dan keseluruhan jalan berlubang tersebut ditampal dalam tempoh 24 jam menjadikan pencapaian Program Aku Janji Sifar Lubang (*Zero Potholes*) adalah 100 peratus.

Apakah harapan datuk bersama KKR pada hadapan atau perkara-perkara yang ingin ditambah baik?

Di KKR, saya berharap pihak berkaitan mengkaji kaedah bagi memendekkan tempoh mana-mana projek pembinaan di negara ini, yang mengambil masa lama untuk disiapkan demi kepentingan rakyat.

Sebarang kelewatan akan menyebabkan kerugian kerana banyak masalah akan timbul seperti denda dan imej syarikat akan terjejas.

Saya suka menasihatkan agar kontraktor yang terlibat haruslah lebih bersedia dengan kemampuan teknologi, kemahiran pekerja dan sumber kewangan yang mencukupi.

Selain itu, antara perkara yang boleh ditambah baik ialah dengan inovasi. Inovasi akan mempercepatkan kerja, meningkatkan kualiti dan memberi kelebihan kepada rakyat untuk memperolehi produk dan boleh menjimatkan wang. 🗣️

Projek naik taraf KTB Kampung Bohol perlu disegerakan



ZALIHA (dua dari kiri) bersama Teresa Kok ketika sesi di tapak KTB Kampung Bohol.

PROJEK menaik taraf dan mereka bentuk semula Kolam Takungan Banjir (KTB) Kampung Bohol perlu disegerakan bagi mengelakkan risiko masalah banjir di kawasan berkenaan berulang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pelaksanaan projek itu perlu diberi keutamaan berikutan kejadian banjir sebelum ini memberi impak besar kepada penduduk setempat.

“Pelan asal keluasan pembinaan KTB adalah 61.37 ekar bersamaan 24.548 hektar namun tapak itu akan diperluaskan lagi kepada 63.47 ekar bersamaan 25.3888 hektar mengikut pelan terbaru.

“Dengan menaik taraf KTB Kampung Bohol ini, ia akan meningkatkan kapasiti takungan air sebanyak 600 peratus daripada 150,000 meter padu air kepada 1.15 juta meter padu

air berkedalaman enam meter,” kata beliau selepas melawat tapak projek itu pada Isnin.

Beliau sebelum itu menghadiri mesyuarat tertutup di Kompleks Komuniti Kampung Muhibbah bagi bertemu dan mendengar penjelasan daripada penduduk serta pihak berkaitan mengenai projek berkenaan.

Turut hadir pada lawatan tapak tersebut, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok dan Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai.

Zaliha berkata setiap aspek berkaitan projek KTB itu sudah diperhalusi dan perancangan pembangunan akan dinilai semula selepas projek tersebut siap.

Katanya, pembinaan KTB perlu diutamakan sebelum mana-mana perancangan pembangunan dikemukakan dengan mengambil kira segala aspek termasuk kapasiti tanah itu sendiri dan pelaksanaan

kajian Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA) mahupun impak kepada sosial.

Mengulas lanjut, Zaliha memaklumkan projek menaik taraf ini dijangka akan mengambil masa selama lima bulan untuk disiapkan bagi menghadapi peralihan monsun timur laut.

Beliau juga turut menekankan tiada sebarang cadangan pembangunan akan dilaksanakan sehingga KTB Kampung Bohol menepati semua spesifikasi yang ditetapkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta dapat berfungsi dengan baik.

Sebelum ini, kejadian banjir kilat pernah berlaku di sekitar kawasan KTB pada Disember 2021 dan Mac 2022 sehingga menyebabkan air banjir melimpah ke kawasan sekitar termasuk di Lebuhraya Shah Alam (KESAS).

Suasana lebih vibrant

Bazaria Genting Klang bakal noktah kegusaran peniaga

HAZIRAH HALIM

PERSATUAN Peniaga Berlesen Bazaria Wangsa Maju menyambut baik inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan 500 peniaga berlesen Bazaria Wangsa Maju ke lokasi pembinaan tapak baharu di Bazaria Genting Klang.

Sungguhpun begitu, persatuan tersebut berharap pihak DBKL dapat mendahulukan peniaga berlesen yang asal untuk ditempatkan di lokasi tapak niaga baharu di samping melakukan hebahan promosi secara besar-besaran.

Pengerusinya, **Mohd Ramdzan Ziman** berkata pihaknya tiada masalah dan bersetuju dengan pemindahan tersebut dan menganggap ia adalah sebahagian daripada langkah untuk mengatasi kegiatan peniaga rambo tidak berlesen di bazaria itu selain dapat mengurangkan masalah rungutan penduduk berhubung isu parkir yang berlarutan.

“Pada peringkat awal, mungkin sukar buat peniaga untuk mendapat keuntungan jualan kerana ramai pengunjung yang sudah biasa di tapak lama namun pemindahan baharu ini dilihat lebih selesa, luas dan teratur.

“Tidak dinafikan kebanyakan peniaga lebih selesa di tempat lama kerana rata-ratanya sudah berniaga di lokasi itu sejak belasan tahun dahulu selain lokasi baharu terletak di dalam bangunan.

“Jika benar dipindahkan, DBKL perlu bantu buat promosi habis-habisan kalau tidak ia akan suram dan mesti mendahulukan 500 peniaga berlesen,” katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Mohd Ramdzan turut mengulas mengenai mogokan yang dilakukan oleh peniaga pada 13 Mei lalu di mana keluhan peniaga tersebut adalah dalam kalangan mereka yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Katanya, tapak niaga yang akan dirobuhkan oleh DBKL itu adalah terhadap peniaga yang tidak berlesen namun timbul rasa tidak puas hati segelintir peniaga yang membantah tindakan penguatkuasaan.

“Semua sedia maklum, Bazaria Wangsa Maju merupakan salah satu uptown yang terkenal dan menjadi tumpuan pengunjung dari seluruh negara.

“Disebabkan itu, maka banyak peniaga haram yang berani berniaga di tepi jalan sedangkan masih ada 500 peniaga lesen yang membayar sewa sebanyak RM216 setiap bulan kepada DBKL.

“Namun, saya difahamkan sudah tiga minggu peniaga tidak berlesen ini tidak menjalankan perniagaan kerana mereka telah diberikan notis serta takut akan diambil tindakan lagi oleh penguat kuasa.

“Justeru itu, saya harap DBKL akan meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga-

peniaga tanpa lesen tersebut sekali gus mengurangkan kebimbangan peniaga berlesen,” jelasnya.

Sementara itu, dalam satu ciapan video di *Facebook* DBKL memaklumkan, perancangan memindahkan 500 peniaga berlesen berkenaan adalah untuk memastikan peniaga dapat menjalankan urusan niaga dalam keadaan yang lebih selesa, teratur serta persekitaran yang kondusif.

Menurutnya, suasana yang lebih vibrant dan kondusif dilihat mampu memberi pulangan hasil jualan yang lebih baik sekali gus meningkatkan taraf ekonomi peniaga berkenaan.

Walau bagaimanapun, DBKL akan melaksanakan banciaan bagi memastikan peniaga yang berdaftar adalah sama yang menjalankan perniagaan di tapak transit dan dalam masa yang sama, ia bagi memastikan penjaja berdaftar mematuhi syarat lesen yang ditetapkan.

“Bazaria Wangsa Maju yang mula beroperasi sejak 2019 itu adalah tapak transit untuk peniaga Uptown Danau Kota sebelum dipindahkan ke tapak kekal di Bazaria Genting Klang.

“Terdapat 165 tapak peniaga tanpa lesen di Bazaria itu dan kegiatan mereka telah menimbulkan beberapa polemik dalam kalangan peniaga berlesen serta penduduk.

“Antaranya menggajikan pekerja warga asing, menggunakan ruang parkir untuk mendirikan struktur gerai kekal serta penggunaan air dan elektrik di Bazaria secara tidak sah,” jelasnya.

Perkenal aplikasi inovatif

PERPUSTAKAAN Kuala Lumpur (PKL) di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan aplikasi inovatif dunia bacaan digital terkini iaitu PKL@CEREKA kepada pembaca.

PKL dalam satu kenyataan kepada *Wilayahku* berkata seiring usaha untuk menerokai dan meraikan koleksi bahan bacaan tempatan, aplikasi tersebut menghimpunkan lebih daripada 800 karya menarik termasuk 250 novel, 180 cerpen dan 550 cerita pendek daripada penulis dan penerbit tempatan.

“Pembaca juga akan menemui kisah-kisah yang mengasyikkan di samping membawa mereka ke alam pengembaraan yang tidak dapat dilupakan melalui halaman-halaman cerita yang disusun indah.

“Lebih menarik, ia boleh dinikmati secara percuma dengan hanya menjadi ahli PKL dan memuat turun serta mendaftar di laman sesawang <https://pkl.cereka.app> untuk menerokai dunia imaginasi digital kami.

“Untuk maklumat lanjut mengenai aplikasi, orang ramai juga boleh melayari laman web rasmi PKL di perpustakaankualalumpur.dbkl.gov.my,” katanya.

Dalam pada itu, PKL turut memberitahu permohonan tempoh lanjutan pinjaman bahan bacaannya kini boleh diperbaharui menerusi platform pesanan ringkas *WhatsApp*.

PKL berkata sistem permohonan *WhatsApp* itu diperkenalkan untuk memudahkan serta menjimatkan masa dan tenaga ahli-ahli perpustakaan tanpa perlu menghadirkan diri ke perpustakaan untuk melanjutkan tempoh pinjaman.

“Kaedahnya adalah mereka hanya perlu menghantar maklumat pinjaman bahan bacaan ke talian **011- 6564 3500** atau mengimbas kod QR yang tersedia di dalam poster. Maklumat kemas kini akan dimaklumkan dalam tempoh 24 jam.

“Kelebihan penggunaan *WhatsApp* ini boleh memberikan maklumat kepada ahli dengan lebih cepat selain boleh menghantar permohonan pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam serta mudah dan pantas.

“Ia juga membolehkan mereka berkomunikasi secara langsung dengan kakitangan perpustakaan misalnya dari segi pertanyaan atau bantuan yang diperlukan berkaitan pinjaman bahan bacaan,” katanya.

Dengan pengenalan kemudahan ini, pihak PKL yakin bahawa ia dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih baik kepada semua ahli, memberi manfaat dan menjadikan proses komunikasi lebih pantas dan efisien sekali gus memuaskan tahap kepuasan pelanggan.

Cegah tragedi Ulu Tiram dari membarah



ZULKIFLI SULONG

BALAI Polis Ulu Tiram mencatatkan tragedi berdarah baru-baru ini. Dua anggota polis mati dibunuh oleh seorang lelaki yang masuk bersama parang di tangan. Lelaki itu juga mati terbunuh dalam tragedi berdarah ini.

Yang menakutkan, lelaki ini membunuh anggota polis dengan parangnya dan merampas senjata api milik anggota polis itu. Dengan senjata itu, seorang lagi anggota polis mati dibunuh oleh penceroboh ini.

Ketua Polis Negara (KPN) pada awalnya telah memaklumkan, penceroboh ini disyaki anggota kumpulan militan Jemaah Islamiyah (JI) namun selepas siasatan awal selesai, polis dapati ia tiada kaitan dengan JI.

KPN mengandaikan penceroboh ini dari JI kerana ayah si penceroboh adalah anggota JI.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail selepas itu berkata, suspek serangan Balai Polis Ulu Tiram di Johor Bahru adalah bertindak sendirian didorong motivasi dan kefahamannya sendiri.

Menurutnya, ia adalah dapatan dari hasil siasatan awal polis berdasarkan temu bual dengan 46 individu yang dipercayai mempunyai kaitan dengan serangan terbabit.

"Siasatan awal polis mendapati suspek bertindak sendirian didorong motivasi kefahamannya

malah dia dan keluarga juga tidak bercampur masyarakat.

"Oleh itu, serangan suspek di Balai Polis Ulu Tiram adalah terpisah daripada misi besar atau kumpulan terancang...itu tidak ada.

"Insiden semalam bukan mengancam keselamatan awam begitu sekali (seperti persepsi ramai, tular, laporan segelintir media).

"Jadinya, kita gesa orang ramai, pihak media henti sebar spekulasi berkaitan insiden serangan di Balai Polis Ulu Tiram," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Johor.

Walaupun orang ramai dilarang membuat sebarang spekulasi mengenai tragedi ini namun siapa yang dapat menghalang pelbagai pihak membuat pelbagai andaian mengenai insiden ini.

Sekurang-kurangnya ada yang akan berteka-teki apa sebenarnya yang berlaku di sebalik peristiwa ini.

Yang paling ditakuti adalah apa yang berlaku di Ulu Tiram ini adalah hasil dari apa yang ditanam selama ini.

Ini kerana, sepanjang kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu, inilah kempen yang dibuat. Kempen benci-membenci yang ditanam dalam masyarakat. Kempen ini pula berasaskan kaum dan agama.

Walaupun kempen sebegini telah sampai ke kemuncaknya dan tidak boleh memberikan laba tambahan kepada tukang kempenya lagi, namun itulah yang telah ditanam sebelum dan selepas kempen PRU-14 lalu.

Kini hasilnya boleh dituai sebagaimana yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram ini.

Pihak keselamatan, bagi saya tidak boleh memandang ringan isu ini. Saya secara peribadi amat bersetuju dengan pandangan Menteri Dalam Negari, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Siasatan terperinci perlu dibuat, apakah kes ini hanya terpercail sahaja atau ada pihak yang merancang di sebalik tragedi ini.

Kita tidak mahu peristiwa 13 Mei, tragedi Memali atau kes Al-Maunah berulang dan sekali lagi menconteng arang kepada nama baik negara.

Ini kerana dengan nama baik sahajalah, negara kita bakal berjaya melepasi halangan pembangunan ekonominya selepas terbelenggu dengan COVID-19 sebelum ini.

Dengan nama baik sahajalah, para pelabur luar akan yakin untuk meletakkan duit mereka ke negara kita dan pelancong asing akan sudi datang ke negara kita.

Sebagai rakyat dan umat Islam, bangsa majoriti negara ini iaitu orang Melayu perlu memilih pendekatan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW iaitu Islam

ini agama kasih sayang.

Oleh itu, sebarang bentuk kempen, ucapan apatah lagi penulisan yang berbentuk takfiri ataupun mengkafirkan pihak yang tidak bersama dengan kita perlu dihentikan.

Sebelum apa-apa yang boleh menghalang kelestarian ekonomi kita, kita perlu bertegas bab kata pepatah, cegah sebelum parah.

INI sekadar pandangan dari penulis sahaja.



BALAI Polis Ulu Tiram mencatat tragedi berdarah yang menggemparkan negara. - Gambar hiasan

Sudah tebang mesti tanam!



Dua tanggal penting bulan Mei

SETIAP batang pokok yang ditebang di Kuala Lumpur mesti diganti dengan penanaman 100 pokok baharu. Ini arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Pesekutuan), Dr Zaliha Mustafa, sebelum itu mengarahkan Dewan Mustafara Kuala Lumpur (DBKL) menebang pokok yang dianggap berisiko tinggi dan boleh mengancam keselamatan orang ramai.

Arahan ini berikutan insiden pokok tumbang di ibu negara baru-baru ini ketika hujan lebat dan angin ribut. Pada 7 Mei pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, meragut nyawa seorang lelaki. Kejadian tersebut turut merosakkan 17 kenderaan serta landasan monorel di Jalan Sultan Ismail. Pada 13 Mei, sebatang pokok tumbang di Jalan Pinang.

Ekoran kejadian ini, DBKL akan menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang serta menyediakan garis panduan

berkaitan pokok berisiko tinggi. Pelan yang dijangka siap Julai ini menyerlahkan keprihatinan DBKL dalam menangani isu risiko pokok tumbang.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik arahan Dr Zaliha supaya DBKL menebang pokok yang sudah tua dan berbahaya. Pihak DBKL akan membuat pemantauan dan penilaian teliti dalam menentukan pokok mana yang wajar dimusnahkan.

Keselamatan orang ramai lebih penting daripada yang lain. Namun ada kala kemalangan berlaku juga. Walaupun pemeriksaan berkala dilakukan terhadap pokok, tiada siapa tahu ia akan tumbang pada waktu tertentu.

Justeru langkah terbaik yang boleh diambil ialah sentiasa berjaga-jaga. Ini termasuk menebang pokok yang dikenal pasti berbahaya. Selain itu, pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, kerja-kerja mengurus pokok juga mesti kerap dilakukan.

ADA dua peristiwa penting dalam kalendar persekolahan pada minggu akhir bulan Mei ini. Pertama, cuti pertengahan penggal satu sekolah yang bermula pada hari ini (24 Mei) hingga 1 Jun bagi kategori A (Johor, Kelantan, Kedah dan Terengganu). Bagi kategori B mulai esok hingga 2 Jun.

Kedua, pengumuman keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Isnin 27 Mei. Seramai 395,870 calon yang menduduki peperiksaan di 3,340 buah pusat peperiksaan di seluruh negara akan mengetahui pencapaian masing-masing.

Kepada para pelajar dan guru diucapkan selamat bercuti. Kawan-kawan Kedai Kopi juga berharap semua calon SPM memperoleh kejayaan membanggakan. Namun apa juga keputusan wajar diterima dengan hati terbuka. Tentu setiap pelajar memahami prestasi diri masing-masing.

Yang memperoleh kejayaan cemerlang diucapkan tahniah. Peluang terbuka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi seperti Program Ijazah Sarjana Muda

Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG), program diploma, matrikulasi atau memasuki tingkatan enam.

Kepada yang keputusan kurang memuaskan usah putus asa. Usia masih muda dan ada banyak peluang lain terbuka untuk memajukan diri dalam hidup asal rajin berusaha. Tidak cemerlang dalam akademik bukan bermakna tidak cemerlang dalam bidang lain. Rajin dan usaha tangga kejayaan.

Kepada yang bercuti sekolah, gunakan masa ini untuk berehat bersama keluarga. Pergilah makan angin ke mana-mana untuk meluaskan pemandangan. Setelah penat belajar perlu rehatkan minda. Namun jangan lupakan terus buku.

Pada minggu cuti sekolah ini juga berlangsungnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) mulai hari ini (24 Mei) hingga 2 Jun. Berkunjunglah ke pesta ini yang mempamer dan menjual pelbagai kategori buku dari dalam dan luar negara. Pasti ada yang sesuai untuk diri dan keluarga. Rajin membaca menambah ilmu.

PBAKL, Gutenberg dan Ts'ai Lum



KU SEMAN KU HUSSAIN

PEMINAT dan pemburu buku sudah merayakan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2024) bermula hari ini, (24 Mei) hingga 2 Jun di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur. Penganjuran ini adalah kali ke-41 dan tahun ketiga selepas pandemik COVID-19.

PBAKL adalah acara terbesar dalam dunia perbukuan negara. Di situlah lubuk mendapatkan pelbagai genre buku berkualiti – dalam dan juga luar negara. Banyak dalam kalangan penerbit menyediakan buku-buku judul baharu yang dijual secara eksklusif di pesta buku itu.

Judul baharu adalah antara tarikan pengunjung ke PBAKL, selain buku yang sudah beredar tahun lalu dijual dengan potongan harga yang istimewa. Hayat buku tidak sama dengan fesyen kain tudung yang cepat tarikh luputnya. Sekalipun dikelaskan sebagai 'judul lama' itu tidak pernah menjadikan ilmu yang dituang dalam buku itu sudah susut nilainya.

Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) misalnya menampilkan tidak kurang 200 judul baharu di pesta buku kali ini. Tentu itu suatu yang mengejutkan apabila ITBM yang hampir 'karam' sejak 2018 kini bangkit bergaya dengan judul-judul baharu di Bilik Negeri Sembilan WTC.

Acara bertaraf antarabangsa itu meraikan para bukuwan yang terdiri daripada penerbit, penulis serta pembaca yang menggerakkan pembangunan ilmu dan intelektual. Buku yang



PBAKL adalah acara terbesar dalam dunia perbukuan negara. -Gambar hiasan

baik menjadi asas penting ke arah melahirkan masyarakat berkualiti daripada sudut pekerti dan pemikiran.

Semua tentang PBAKL adalah buku. Tidak ada buku tentu sahaja tidak ada PBAKL. Tidak ada kertas juga sukar untuk menghasilkan buku. Ada kertas tetapi tidak ada mesin cetak pula melambatkan buku dihasilkan dan diedar dengan meluas untuk mengembangkan ilmu dan intelektual.

Memang sudah ada buku digital atau e-book tetapi belum meluas di negara ini, malah di negara-negara lain juga. Tradisi membaca buku fizikal masih kuat malah institusi perpustakaan di luar negara

juga menyimpan buku fizikal. Jadi, tulisan ini memfokuskan pada buku fizikal sahaja.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, apabila melihat WTC (dulu PWTC) dipenuhi dengan berbagai-bagai bentuk, saiz dan genre buku yang kertas cetaknya pula beraneka jenis, saya segera terkenang kepada dua manusia yang sangat berjasa itu terhadap buku.

Mereka adalah pencipta mesin cetak Johan Gutenberg pada abad ke-13 dan pencipta kertas, Ts'ai Lum pada zaman Raja Ho Ti tahun 105 Masihi. Kedua-dua manusia berjasa ini telah mencipta dan mengubah sejarah peradaban manusia melalui penyebaran ilmu dengan adanya suatu yang disebut buku.

Nama kedua-dua tokoh itu disebutkan dalam buku The Hundred Most Influential Persons In History yang ditulis oleh Michael Hart. Pada mulanya Michael Hart menyenaraikan kedua-duanya, Gutenberg dan Ts'ai di tangga ketujuh selepas Nabi Muhammad SAW, Issac Newton, Nabi Isa AS dan tokoh-tokoh lain.

Bagaimanapun dia hanya memerlukan satu nama untuk diletakkan di tangga ketujuh, tetapi masalahnya kedua-dua tokoh itu mempunyai kekuasaan yang tidak mudah untuk diturunkan pada tangga kelapan.

Akhirnya Michael Hart mengekalkan Ts'ai di tangga ketujuh dengan hujah bahawa penemuan kertas lebih diperlukan pada masa itu, tahun 105 Hijrah berbanding mesin cetak yang dicipta pada 1456 Masihi. Dengan wujudnya kertas, buku boleh dihasilkan dengan kaedah menyakin dan ilmu dapat disebarkan sekalipun dalam lingkaran yang kecil.

BERSAHABAT DENGAN BUKU

EVOLUSI penciptaan kertas mengambil masa yang panjang lebih 1300 tahun sebelum terciptanya mesin cetak oleh Gutenberg pada 1456. Sepanjang masa itu teknologi pembuatan kertas sentiasa dipertingkatkan dan China adalah negara yang mengungguli teknologi awal pembuatan kertas.

Sekalipun penemuan mesin cetak agak lambat, pembuatan kertas yang terus dipertingkatkan memungkinkan lahirnya buku-buku yang disalin. Proses itu tentunya sangat perlahan. Sekalipun begitu kaedah sedemikian telah memenuhi keperluan dalam pengembangan ilmu dan intelektual.

Penemuan kertas memberikan kesan yang sangat besar dalam pengembangan ilmu menggantikan tulisan di atas kepingan buluh, daun dan kulit binatang serta kulit kayu. Malah kertas yang dihasilkan oleh Ts'ai ternyata lebih berkualiti berbanding kain sutera pada zamannya kerana lebih murah dan banyak sumbernya.

Ternyata penemuan kaedah membuat kertas oleh Ts'ai mempunyai kesan yang sangat signifikan dalam konteks penyebaran ilmu dan maklumat. Pada akhirnya kaedah itu tersebar ke seluruh dunia dan terus diberi penambahbaikan dari masa ke masa, sekali gus memberikan sumbangan yang besar dalam peradaban manusia.

Selapas teknologi pembuatan kertas melalui beberapa fasa hingga menjadi sangat mantap pada abad ke-14, penciptaan mesin cetak adalah satu fasa baharu peri pentingnya dalam penerbitan buku yang berskala lebih besar. Tidak sahaja buku malah menjadi

pemangkin lahirnya industri persuratkhabaran.

Jika Gutenberg tidak menciptakan mesin cetak, abad ke-18 hingga ke-20 mungkin menjadi berbeza. Mesin cetak juga memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu dan idea-idea baharu yang menggerakkan berbagai-bagai revolusi intelektual dan sosial.

Tanpa mesin cetak, penyebaran ilmu mungkin lebih lambat dan terbatas kepada mereka yang mampu menulis atau memiliki akses buku-buku yang ditulis tangan. Hal itu mungkin melambatkan perkembangan ilmu, teknologi dan pemikiran sosial dan politik.

Terima kasih kepada Gutenberg yang sekalipun dia berada dalam kemiskinan pada penghujung hayatnya disebabkan pembiayaan projek mesin cetaknya menuntut hutang dengan tiba-tiba. Gutenberg yakin dengan pulangan besar setelah mendapat kepercayaan mencetak Alkitab pada 1456. Lebih malang lagi projek cetakan Alkitab dirampas oleh pembiayaan dan Gutenberg hilang hak atas cetakan berkenaan.

Hari ini teknologi digital sudah berkembang pesat dan menjadikan proses mencetak dan kualitinya teranjak jauh ke depan berbanding seabad lalu. Bagaimanapun semua itu bertolak daripada konsep awal mesin cetak ciptaan Gutenberg. Tidak ada yang akhir tanpa ada yang menjadi pemula, begitulah sejarah kelahiran buku yang menjadi satu keperluan dalam kehidupan manusia.

Menurut statistik, pada PBAKL 2023, sebanyak 20,000 judul buku memenuhi WTC dengan kehadiran 1.5 juta pengunjung. Bayangkan kalau satu judul hanya dicetak 200 naskhah buku, tidak kurang empat juta naskhah buku melimpah di WTC. Sebenarnya 200 naskhah untuk satu judul itu adalah anggaran yang paling kecil.

Buku yang sebanyak itu secara tidak langsungnya terhasil dengan idea Ts'ai mencipta teknologi membuat kertas dan Gutenberg mencipta mesin cetak. Maka dengan mudahnya buku dihasilkan dengan gabungan kertas dan cetakan yang berteknologi tinggi, tentulah suatu yang pelik apabila masih ada yang menjauhkan diri daripada buku.

Rebutlah peluang memiliki buku-buku terbaik yang dibawa khusus pada PBAKL 2024 dan bayangkan susahnyanya orang zaman dahulu mendapat buku disebabkan ketiadaan teknologi seperti masa kini. Maka jinak-jinaklah diri dan keluarga dengan buku, tentunya buku yang baik dengan merayakan PBAKL 2024.

Membaca buku membuatkan kita tidak berasa keseorangan - itu antara kata-kata orang yang menjadi bijaksana setelah bersahabat dengan buku.

RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 263 . 24 - 30 MEI 2024

MASIH RAMAI **BERSIFAT PLASTIK**

➤➤ 10-11

Malaysia negara kelima penyebab pencemaran laut

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

PLASTIK kini menjadi penyumbang utama pencemaran di daratan dan lautan. Namun masih ramai yang memandang enteng isu ini dan paling menyedihkan mereka tidak menyedari plastik adalah musuh 'senyap' kepada manusia yang boleh menjadi 'pembunuh'.

Biarpun bahaya pencemaran plastik diketahui semenjak awal penciptaannya, penghasilan plastik kekal berterusan pada setiap tahun berikutan permintaan penggunaannya.

Penggunaan plastik yang berleluasa di Malaysia telah menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak kerana kesan daripada penggunaannya boleh memudaratkan alam sekitar.

Terdahulu, penyedia perkhidmatan tenaga dari United Kingdom (UK), Utility Bidder mendedahkan Malaysia mencemari lautan dengan 2.29 kilogram plastik per kapita setiap tahun sekali gus meletakkan negara ini kelima tertinggi di dunia yang menyebabkan pencemaran laut. Nilai ini juga dijangka akan meningkat sebanyak tiga kali ganda menjelang tahun 2050.

Selain tersenarai sebagai negara kelima tertinggi mencemari lautan, Malaysia juga tersenarai sebagai negara ke-10 paling banyak melakukan salah urus sisa plastik per kapita.

Menurut Pengarah SWCorp Wilayah Persekutuan, **Ummi Khalthum Shuib**, isu pencemaran plastik di lautan semakin kritikal dan perlu segera diatasi kerana ia membawa kemudaratkan kepada hidupan laut dan juga manusia.

"Plastik bukan sahaja merbahaya kepada hidupan laut seperti penyu, anjing laut dan burung laut yang mencatatkan kematian tinggi akibat termakan sumber plastik, malah ia juga bahaya kepada ikan yang merupakan sumber protein utama

dimakan oleh manusia pada setiap hari.

"Bahan kimia yang digunakan dalam plastik seperti Phthalates, Bisphenol A (BPA) atau Polybrominated merupakan sejenis toksik yang banyak ditemukan dalam ikan serta mamalia laut yang berupaya mengakibatkan kesan kronik ke atas kesihatan manusia termasuk gangguan endokrin dan proses mutasi yang mengakibatkan kanser," ujar beliau.

Dalam masa sama, Ummi berkata plastik mengambil masa yang lama untuk mereput dan tempohnya bergantung kepada lokasi bahan itu berada.

"Melalui kajian saintifik yang dijalankan, plastik memerlukan masa antara 10 hingga 50 tahun untuk diuraikan bergantung kepada jenis plastik dan rawatan yang dilakukan. Lebih merunsingkan, kehadiran plastik di dalam persekitaran telah menyumbang kepada pelbagai masalah termasuklah pencemaran sekunder yang lebih berbahaya.

"Penguraian sisa plastik secara semula jadi di dalam persekitaran akan menyumbang kepada pembentukan mikroplastik dan nanoplastik berbahaya kerana kedua-duanya memiliki saiz lebih kecil dan mudah diserap oleh organisma hidup.

"Selain itu, mikroplastik dan nanoplastik merupakan ejen pembawa kepada pelbagai bahan pencemaran lain seperti logam berat dan sisa farmaseutikal yang mana bahan pencemaran tersebut boleh menyebabkan penyakit kronik kepada manusia," ujarnya.

Beliau berkata dunia perlu mengurangkan hingga separuh penggunaan plastik sekali pakai dan mengurangkan pembuangannya untuk mencegah pencemaran alam sekitar.

"Untuk membendung

pencemaran plastik dan mengurangkan pengeluaran plastik sekali pakai menjelang tahun 2040, fokus utama harus diberi kepada penggunaan semula, kitar semula dan mempelbagaikan bahan yang digunakan. Jika ini dapat dilakukan, maka sebahagian punca pencemaran dan punca bahaya akan dapat dielakkan," ujarnya lagi.

RAWAT GUNA KAEDAH BIOTEKNOLOGI

SETAKAT ini, belum ada lagi kaedah dan langkah khusus bagi rawatan plastik di dalam sistem rawatan air sisa domestik.

Oleh itu, menurut Ummi, pendekatan teknologi berasaskan biologi atau lebih dikenali sebagai bioteknologi bagi merawat sisa plastik daripada rawatan air domestik memiliki potensi besar untuk menyelesaikan isu ini.

"Ini kerana negara Malaysia kaya dengan sumber asli tetapi tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya. Negara ini memiliki sumber alam yang boleh diteroka oleh penyelidik di dalam pembangunan bioteknologi secara umumnya dan rawatan plastik secara khususnya.

"Kajian berkaitan potensi teknologi dalam merawat sisa plastik di dalam sistem rawatan air sisa telah digerakkan di negara-negara maju sejak beberapa tahun yang lalu termasuklah dengan penggunaan biopengental, bakteria, kulat dan juga enzim untuk menguraikan sisa plastik ini.

"Pendekatan bioteknologi ini mendapat perhatian negara-negara maju kerana kos yang murah berbanding dengan rawatan berasaskan kimia. Di samping itu, sumber biologi terkenal dengan ciri-ciri yang lebih selamat dan mesra alam selain merupakan sumber lestari yang mudah untuk didapati dari persekitaran," tambahnya.

Dalam masa sama, Ummi berkata pendekatan lebih holistik seperti larangan perundangan perlu digunakan untuk menyekat penggunaan pembungkusan plastik sekali guna kerana pengganti lebih sesuai sudah ada.

"Antara langkah yang boleh diambil untuk mengatasi pemasalahan ini adalah dengan menggunakan beg kertas atau beg kain ketika membeli-belah di pasar raya mahupun kedai runcit. Selain itu, rakyat Malaysia juga boleh menggunakan konsep 3R iaitu *Reuse, Reduce, Recycle* yang telah lama diperkenalkan di Malaysia namun masih kurang mendapat sambutan dalam kalangan rakyat.

"Seterusnya penggunaan straw besi juga dilihat dapat membendung penggunaan plastik di negara kita dan wajar diteruskan pada masa yang akan datang," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ummi berkata pihak SWCorp akan melakukan usaha yang berterusan dalam membuat promosi dan program tanpa henti untuk menangani masalah ini.

"Saya juga ingin sarankan penduduk untuk menjual sampah kitar semula ke Pusat Kitar Semula, Drive Thru Recycle Center (DTRC) atau di mana-mana lokasi yang

menerima sampah kitar semula," ujarnya.

Ummi berkata bagi mengatasi masalah ini, semua pihak perlu berganding bahu dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan mengikuti langkah-langkah mengurangkan penggunaan plastik seperti yang disyorkan oleh pihak kerajaan.

"Kita sedia maklum untuk menghentikan penggunaan plastik secara serta-merta adalah amat sukar. Namun begitu, langkah kecil yang kita amalkan ini juga sedikit sebanyak dapat membantu memelihara dan memulihara alam sekitar.

"Kerajaan juga perlu menitikberatkan soal pendidikan kepenggunaan tentang mudarat penggunaan plastik dan kempen-kempen menyeluruh serta menguatkuasakan undang-undang yang lebih serius untuk mengubah sikap pengguna dalam isu penggunaan plastik bagi menjamin kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, 2007 (Akta 672) iaitu di bawah Peraturan Pengasingan Sisa Pepejal (SAS) turut mewajibkan semua isi rumah atau premis untuk mengasingkan sisa pepejal atau sampah dan mengitar semula.

"Kedegilan penduduk untuk mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan mereka dikenakan kompaun sehingga RM1,000," tegasnya.

Terdahulu, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata kerajaan sedang berusaha untuk menghapuskan penggunaan plastik sekali guna yang tidak terbiodegradasi secara berperingkat dengan mempromosi alternatif dan bahan mampan dalam pengeluaran plastik selaras Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030.




UMMI



AKTIVITI kitar semula dikenal pasti sebagai satu langkah dalam usaha mengurangkan jumlah plastik di dunia.

TEMPOH PENGURAIAN SAMPAH SARAP DI LAUT



Tingkat risiko penyakit kronik

ISU pencemaran plastik sampah global semakin meningkat pada kadar yang belum pernah dicatatkan sebelum ini membuatkan kerajaan terus komited dalam menangani isu tersebut menerusi pelbagai inisiatif yang sedang atau akan dijalankan.

Bekas Profesor Kualiti Air dan Permodelan Kualiti Air, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Maketab Mohamed** berkata jika senario pencemaran plastik ini berterusan dan tidak diatasi dengan segera ia mampu menjadi racun terhadap manusia.

"Bahan pencemaran tersebut boleh menyebabkan penyakit kronik seperti penyakit paru-paru, kanser dan sebagainya terutama yang berkaitan dengan pernafasan akibat daripada pembakaran sisa plastik secara terbuka.

"Ia ibarat pembunuh 'senyap' kepada manusia kerana mikroplastik dan nanoplastik memiliki saiz lebih kecil dan mudah diserap oleh organisma hidup," ujarnya.

Mengulas berkenaan Malaysia antara 10 negara yang menjadi penyumbang utama pencemaran plastik di lautan, Maketab berkata terdapat pelbagai faktor yang membuatkan negara ini menduduki tempat ketiga.

"Selain mentaliti rakyat, pemerintah juga perlu memainkan peranan dengan memandang serius setiap polisi yang diketengahkan serta tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggarnya.

"Undang-undang sedia ada perlu dikuatkuasakan agar impaknya lebih berkesan dan meluas.

Selain itu, kerajaan juga perlu kuat kuasa undang-undang yang sudah ada berkaitan guna semula plastik. Haramkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik dan tukar material untuk plastik daripada petroleum produk kepada bahan organik yang mudah hancur," jelasnya.

Tambahnya antara kaedah lain yang boleh digunakan untuk pelupusan plastik adalah dengan menanam (*landfill*) plastik tetapi ia memerlukan masa yang lama untuk hancur.

Dalam pada itu, pihak Universiti Malaya (UM) turut menyambut baik inisiatif kerajaan dalam menuju ke arah sifar plastik bagi membantu mengatasi pencemaran alam.

Berdasarkan laporan UN Environment Programme, sejak tahun 1950, kira-kira 9.2 bilion tan plastik telah dihasilkan, menghasilkan kira-kira 6.9 bilion tan sisa plastik primer. Lebih tiga perempat daripada sisa plastik ini dibuang dan berakhir di tapak-tapak pelupusan sampah dan persekitaran semula jadi di seluruh dunia, termasuklah sungai dan lautan.

Pada masa ini, dianggarkan lebih 20 juta tan sisa plastik dilepaskan ke dalam ekosistem akuatik setiap tahun dari tasik ke sungai hinggalah ke laut dari kesemua sumber aktiviti manusia di daratan.

Pengarah Pusat Pembangunan Lestari UM (UMSDC), Profesor Madya Dr Zeeda Fatimah Mohamad berkata



MAKETAB



FARHAN



NURNABILAH

Sambut seruan demi kebaikan

PENGUNAAN bahan berasaskan plastik seperti bekas makanan dan sebagainya sememangnya jauh lebih murah terutamanya kepada peniaga.

Namun, pendedahan serta kesan jangka masa panjang terhadap kesihatan dan juga alam sekitar memberi kesedaran kepada mereka untuk beralih kepada penggunaan bahan yang lebih selamat.

Menurut **Muhammad Farhan Mohd Rani**, 29, sebagai peniaga, pihaknya menyambut baik inisiatif kerajaan menerusi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik.

"Setiap pembelian sama ada dalam skala yang sedikit mahupun banyak, pihak kami tidak menyediakan beg plastik.

"Kami menggalakkan pelanggan untuk menggunakan *carrier bag* atau beg kitar semula semasa memborong kerepak di kedai ini," ujarnya.

Muhammad Farhan berkata seperti di kedai-kedai lain juga caj sebanyak 20 sen akan dikenakan bagi mereka yang inginkan beg plastik.

"Selain itu, kami juga dalam perancangan untuk menjual beg dengan reka bentuk kami sendiri di

mana idea ini saya ambil daripada pusat beli-belah terkenal.

"Saya yakin dengan dua langkah yang diambil sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan pencemaran plastik," katanya.

Tambahnya, semua peniaga perlu memainkan peranan dalam menyambut baik kempen-kempen yang dilakukan agar impak dan keberkesannya lebih meluas.

Berkongsi pendapat sama, **Nurnabilah Aisyah Rohaizam**, 26, berkata sebagai pengguna dia

menerusi Majlis Raikan Syawal Lestari yang dianjurkan oleh UM diharap mampu dijadikan model rujukan penganjuran majlis yang lestari kepada program universiti yang lain, seperti minggu orientasi pelajar dan juga majlis-majlis keraian rasmi di pelbagai peringkat dan jabatan.

"Apabila konsep lestari menjadi norma di majlis keramaian, ia dapat membantu mengurangkan penggunaan plastik sekali guna sekali gus membantu menjadikan UM sebagai kampus lestari dan neutral karbon menjelang 2030. Secara tidak langsung, ia selaras dengan agenda global dalam menangani dan mengurangkan pencemaran plastik," ujarnya.

Lebih 6,000 orang tetamu hadir menghadiri majlis tersebut dan menariknya tetamu digalakkan membawa bekas dan peralatan makanan sendiri semasa majlis malah, panduan kelestarian juga dihebahkan awal kepada tetamu seumpama galakan berkongsi kenderaan serta amalan mengelakkan pembaziran makanan.

"Keunikan pelestarian majlis ini juga dipaparkan melalui pendekatan elemen pendidikan dan kesedaran oleh kumpulan Sukarelawan Lestari UM di mana tetamu diajar untuk melakukan pengasingan sisa mengikut kategori.

"Lebih 200 kilogram sisa makanan berjaya dikumpulkan di majlis ini dan sisa makanan bakal dijadikan kompos di tapak Zero Waste Campaign UM. Ini juga merupakan salah satu inisiatif ekonomi kitaran yang telah sekian lama diamalkan di UM," katanya.

sentiasa menyediakan beg dan bekas makanan sendiri yang diletakkan di dalam kereta atau beg tangan.

"Kebiasaannya kita akan menggunakan plastik ketika membeli-belah dan juga membungkus makanan jadi saya bawa beg sendiri di mana ia juga boleh diguna semula untuk pembelian lain.

"Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu meneruskan serta memperkasa kempen berkaitan pencemaran alam sekitar ini bagi memupuk kesedaran terhadap seluruh rakyat Malaysia," ujarnya.

Selain penggunaan beg kitar semula, **Anis Zur'Aina Zulkifli**, 26, berkata orang ramai juga boleh menggunakan tumbler untuk menggantikan penggunaan cawan plastik ketika pembelian air di kedai.

"Tambahan pula kini terdapat pelbagai jenis, corak dan saiz tumbler yang ditawarkan membuatkan permintaannya semakin tinggi," jelasnya.



ANIS



KWAI Chai Hong atau dalam bahasa Kantonis pasar bermaksud Lorong Hantu Kecil menjadi tarikan ramai pengunjung pada cuti hujung minggu ketika tinjauan foto Wilayahku di Lorong Panggung, Kuala Lumpur.

Lorong Hantu Kecil permata retro ibu kota

SYUQREE DAIN
Foto: **ARIFF AZMAN**

SENI bina bangunan lama di sekitar bandar raya Kuala Lumpur sememangnya menarik perhatian pelancong untuk mengabadikan foto, malah struktur yang dibina sejak zaman kolonial itu mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan berpotensi menjadi lokasi tumpuan.

Antara lokasi istimewa di pusat bandar KL adalah Kwai Chai Hong yang membawa maksud Lorong Hantu Kecil dalam bahasa Kantonis. Hot spot ini meriah dengan pelbagai tarikan terutamanya suasana retro daripada barisan mural yang menggambarkan kehidupan silam di zaman 1960-an.

Menelusuri lorong sepanjang 36 meter tersebut, pengunjung bakal disajikan dengan pelbagai sentuhan artistik di dinding batu konkrit serta jambatan kayu yang sarat dengan seni budaya masyarakat Cina dan pelbagai kaum lain.

Biarpun nama Lorong Hantu Kecil menimbulkan rasa seram kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya namun ia merupakan tempat kegemaran bakal pengantin untuk merakamkan detik bersejarah mereka.

Lokasinya yang agak tersembunyi menjadikan Kwai Chai Hong sebagai salah sebuah permata retro ibu kota yang semakin dikenali ramai. Dibuka setiap hari mulai pukul 9 pagi hingga 12 malam, bagi yang berjalan kaki, hanya memakan lima minit sahaja dari Stesen Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) Pasar Seni.



PBAKL 2024 wadah pilihan pembaca

DIANA AMIR

PESTA buku terbesar di Malaysia kini kembali lagi untuk kali yang ke-41 dengan menawarkan pelbagai genre di bawah satu bumbung.

Merupakan acara utama tahunan dalam kalendar penerbitan tempatan yang utama dan terbesar, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 bakal membawa lebih banyak kejutan dan aktiviti yang lebih menarik bermula dari 24 Mei hingga 2 Jun bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) mulai pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Sejak diadakan pada tahun 1981, PBAKL memberi kesan besar kepada pembaca dan industri buku tempatan dan telah merekodkan lebih daripada 1.5 juta pelawat secara purata dari tahun 2008 hingga kini.

Ia juga membantu mempromosikan penulis dan penerbit tempatan dengan memberikan platform kepada penerbit antarabangsa untuk mempamer dan memperdagangkan buku-buku mereka.

PBAKL turut menyumbang kepada pertumbuhan industri buku di Malaysia antaranya adalah jumlah kedai buku dan penerbit tempatan yang mula meningkat selepas pasca COVID-19.

Pengerusi Pengelola PBAKL, Mohd Khair Ngadiron berkata pada pameran kali ini terdapat sebanyak 972 pempamer termasuk 14 dari luar negara antaranya Singapura, Thailand, Filipina, India, China, Taiwan dan Iran.



“Ini adalah bukti bahawa syarikat penerbit dan agensi terbitan kerajaan sedang terus berdaya maju dalam ekonomi perbukuan.

“Keterujaan pada penganjuran kali ini adalah acara ASIAN Rights Fair yang mempamerkan karya-karya sastera penulis dari Asia Tenggara melibatkan Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Vietnam, India, China, Taiwan dan Iran.

“Selain itu, Negeri Tamu Edisi 2024 adalah Negeri Sabah di mana acara ini akan menjadi medium untuk memperkenalkan dan mempromosikan sastera serta budaya Sabah.

“Kita juga ada Program VIP BUYER, pemimpin pustakawan muda dan banyak lagi,” katanya.

Mohd Khair berkata tahun ini pihaknya menjangkakan lebih 1.5 juta pengunjung datang ke pesta yang diadakan selama 10 hari.

Tahun lalu sasaran adalah seramai 1.3 juta pengunjung namun jumlah yang hadir adalah seramai 1.6 juta orang.

“Ini juga adalah kali ketiga pesta ini akan diadakan secara dalam talian bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat hadir.

“Pesta Buku Dalam Talian menjadi titik tolak perubahan

model perniagaan perbukuan negara ketika COVID-19 melanda. Ia merupakan langkah drastik dan berani diambil oleh pengelola.

“Apabila Malaysia dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani penularan COVID-19, PBAKL yang hanya tinggal lapan hari sebelum bermula telah beralih kepada perniagaan yang baharu ini. Jumlah penerbit yang menyertai platform e-dagang Shopee pula bertambah saban tahun sehingga edisi kali ke-4 ini dengan cara hIbrid semenjak 2022,” ujarnya.

TRANSFORMASI DIGITAL

BUAT julung kalinya dalam sejarah PBAKL, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) merealisasikan inisiatif pendigitalan dengan memperkenalkan penggunaan digital platform aplikasi mudah alih (*mobile app*) untuk memberi manfaat dan penambahbaikan khusus kepada pemegang taruh PBAKL 2024 dan pengunjung.

Mohd Khair berkata aplikasi acara PBAKL (*eventapp PBAKL*) atau secara ringkasnya *PBAKL App* dapat memacu penggunaan teknologi di dalam ekosistem industri perbukuan dan sebagai langkah inisiatif transformasi digital oleh MBKM.

“Aplikasi ini membawa impak yang besar di dalam memberi kelainan pengalaman kepada



semua pemegang taruh untuk acara pameran PBAKL di tahun 2024 dan seterusnya,” katanya ia dijalankan dengan Rakan Strategik Digital MBKM, Wyn Wyn Event Sdn Bhd.


Mohd Khair berkata teknologi *PBAKL App* ini mengadaptasi teknologi digital yang terbaru di mana gabungan ‘Scalability big data processing’ dan ‘Artificial Intelligence’ (AI) untuk mempercepatkan proses menyiapkan pembangunan aplikasi ini dalam masa kurang sebulan.

“Semua informasi diambil secara terperinci di *back-end* sistem *PBAKL App* dan membuat

pemetaan dan interkorelasi (*intercorrelation*) data secara bijak dan pantas untuk menghasilkan ‘*user interface*’ atau UI yang mesra pengguna, berinformatif dan interaktif.

“Aplikasi ini adalah medium yang berteraskan teknologi digital dalam memenuhi pencarian keperluan atau minat pegunjung kepada acara, buku atau produk pempamer-pempamer di PBAKL 2024 yang dapat menepati dan memenuhi pencarian tersebut seterusnya membuahkan hasil untuk kedua-dua pihak,” jelasnya.

PBAKL App boleh dimuat turun di *Play Store* atau *App Store*. 



KELEBIHAN PBAKL APP KEPADA PEMPAMER:


1. Penjenamaan syarikat dan promosi produk secara langsung.
2. Menambahkan visibiliti dan lokasi reruai kepada pengguna.
3. Penyenaraian di ruang ‘exhibitors’ menu untuk dapat dilihat dan dicari oleh pengguna.
4. Penyenaraian aktiviti, program serta promosi produk atau buku, di dalam bentuk video, foto dan deskripsi, juga pencarian melalui saringan genre buku untuk terus dapat dilihat oleh pengunjung.

KELEBIHAN PBAKL APP KEPADA PENGUNJUNG:

1. Semua informasi tentang PBAKL 2024 di hujung jari.
2. Dapat membuat perancangan sebelum ke PBAKL 2024 dengan lebih efektif dan menjadikan kunjungan lebih produktif.
3. Menjadi ‘information centre’ kepada pengunjung untuk membuat carian nama pempamer, kategori buku, reruai, acara yang dijalankan serta lokasi.
4. Pengguna mempunyai ‘planner’ sendiri yang tersimpan jadual agenda dan ‘bookmark’ yang mereka telah tanda.
5. Penunjuk arah atau ‘WayFinder’ yang dapat membantu pengunjung mencari reruai atau kawasan yang mereka ingin pergi di atas interaktif pelan lantai acara pameran.

Laman Utama

Tentang PBAKL



Maklumat lanjut



KETERUJAAAN PBAKL 2024

Perasmian:

YAB Dato' Sri Anwar Bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

30/5/2024 | 3:00 Petang | Pentas Utama PBAKL

Penutupan:

YB Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan

2/6/2024 | 8:00 Malam | Pentas Utama PBAKL

1

**Negeri Tamu
SABAH**

2

**Pesta Buku Hibrid
PBAKL Fizikal dan
Dalam Talian**

3

**Asian Rights Fair
(ARF) 2024**

4

3 PENTAS AKTIVITI
- Pentas Utama
- Pentas Dunia Buku (Dewan
Merdeka)
- Pentas Dunia Ilmu (Dewan
Tun Razak 3)

5

**Perkumpulan Buku
Akademik Malaysia
Terbesar**

6

**TV Pusat Sumber
Sekolah Malaysia**
Melestarikan Kemenjadian Murid

7

VIP Buyer
(Khas untuk Pusat
Sumber Sekolah / IPT)

8

MIFLA Junior 2.0
**Perhimpunan
Pengawas Pusat
Sumber**



Warga emas jadi mangsa dera kewangan

SULAIMAN (bukan nama sebenar) sentiasa berbangga dengan pengetahuan kewangannya. Meskipun sudah bersara, beliau kekal aktif dalam dunia kewangan sehinggalah beliau terjumpa satu platform pelaburan yang menjanjikan pulangan lumayan.

Pelaburan pertama berjaya memberikan pulangan dan terdorong oleh kejayaan awal ini, Sulaiman melabur lebih banyak sehinggalah pada satu hari beliau mendapati akaunnya dibekukan. Beliau cuba menghubungi bahagian sokongan platform tersebut, namun tiada jawapan.

Malah, laman sesawang mereka kosong! Beliau terduduk seolah-olah tidak percaya dengan apa yang telah berlaku. Pencarian dalam talian menemukan forum yang penuh dengan cerita daripada mangsa-mangsa lain yang telah terpedaya oleh penipuan pelaburan yang sama.

Wang hasil titik peluh selama bertahun-tahun lesap begitu sahaja. Pengkhianatan yang dirasakan sangat perit dan mendalam bahkan menggoncang kepercayaannya terhadap pengetahuannya sendiri. Malu dan kesal dengan keputusan yang telah dibuat, kesihatan beliau mulai merosot. Beliau yang dahulunya seorang yang berdikari berubah kepada seorang yang sangat bergantung kepada orang lain. Beliau akhirnya meninggal dunia akibat penyakit kronik dan kemurungan.

Dalam satu kes lain pula, sepasang suami isteri warga emas yang berumur 78 dan 70 tahun tinggal bersama dalam keadaan kesihatan yang kurang baik. Mereka mempunyai seorang anak yang tinggal berdekatan dan menjaga segala keperluan mereka.

Anak mereka kelihatan bertanggungjawab dan prihatin, namun menyimpan niat serong yang mengharukan. Pasangan warga emas itu telah dieksploitasi untuk membuat pinjaman semula terhadap rumah yang telah habis dibayar bagi membeli rumah baharu anak mereka (or is it: Pasangan warga emas itu telah dieksploitasi untuk mencagarkan rumah mereka yang telah habis dibayar bagi tujuan pembelian rumah baharu anak mereka).

Bukan itu sahaja, malah anak mereka juga mendesak pasangan warga emas ini untuk mengeluarkan simpanan KWSP mereka. Tanpa disedari oleh pasangan ini, mereka telah dibutakan oleh kepercayaan terhadap anak mereka sendiri. Kesemua wang mereka hilang ke tangan anak mereka begitu sahaja.

Berikutan masalah ini, kesihatan mereka kian merosot. Penyakit kencing manis yang dihadapi oleh si suami mula

merosakkan penglihatan dan buah pinggangnya, malah beliau berdepan dengan risiko masalah jantung dan strok. Masalah kemurungan juga semakin memburuk akibat eksploitasi kewangan yang dilakukan oleh anak mereka.

Dua kes di atas adalah antara ribuan dapatan daripada kajian kemana Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan purata seorang daripada 10 warga emas terdedah kepada penderaan dan pengabaian.

Statistik ini boleh meningkat kerana menjelang tahun 2030, Malaysia akan menjadi negara menua yang bakal menyaksikan 15% daripada penduduknya berumur 60 tahun ke atas manakala menjelang 2040, terdapat tiga warga emas bagi setiap 20 penduduk (DOSM, 2017). Dengan kata lain, ia sekali gus membuka ruang kepada peningkatan kes-kes pengabaian dan penderaan kewangan yang melibatkan golongan ini.

EAN bakal meningkat

PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan Penderaan dan Pengabaian Warga Emas atau *Elder Abuse and Neglect* (EAN) sebagai 'Layanan yang kurang wajar sama ada dilakukan sekali atau berulang kali, melibatkan hubungan yang berasaskan kepercayaan, yang mendatangkan bahaya atau kesusahan kepada orang yang lebih tua.'

EAN diramalkan meningkat dengan populasi yang semakin menua. Menurut kajian bersama oleh pasukan penyelidik AKPK dan Universiti Malaya (UM), terdapat lima subjenis EAN iaitu kewangan, psikologi, fizikal, seksual dan pengabaian. Penderaan kewangan adalah yang paling lazim dan selalu berlaku dengan penderaan psikologi.

Daripada lima subjenis EAN, penderaan kewangan (4.8%) adalah yang paling biasa, diikuti oleh psikologi (3.4%), fizikal (1.2%), pengabaian (1.1%) dan seksual (0.3%). Lebih separuh (59%) daripada mangsa EAN mengalami penderaan kewangan dan majoriti (81%) mengalami sama ada penderaan kewangan atau psikologi.

Namun, dapatan kajian di atas mungkin tidak menggambarkan jalan cerita secara keseluruhan kerana penderaan kewangan ialah sejenis wabak senyap. Lazimnya, penderaan kewangan jarang diakui malah diabaikan oleh ramai pihak. Malah Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Malaysia 2018 melaporkan bahawa satu daripada tiga mangsa di Malaysia merahsiakan kisah mereka.

Sungguhpun begitu, pemprofilan mangsa membolehkan ciri-ciri mereka yang berisiko dapat dikenal pasti. Kajian mendedahkan bahawa profil sasaran penderaan kewangan ialah golongan berpendapatan rendah yang tinggal bersendirian.

Warga emas daripada kumpulan pendapatan isi rumah bulanan terendah (bawah RM500 sebulan) ialah kumpulan yang paling terdedah dan mereka yang tinggal bersendirian (17.8%) lebih berkemungkinan mengalami penderaan kewangan berbanding mereka yang tinggal bersama orang lain (suami, isteri atau anak-anak).

Menyentuh tentang kajian ini, Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir berkata "Pendapatan yang lebih tinggi mempunyai kesan perlindungan dalam kes penderaan dan pengabaian warga emas dan secara tidak langsung membuktikan kepentingan pendidikan kewangan dalam mencegah penderaan kewangan. Satu lagi yang juga dilihat dapat menjadi perisai dalam kes penderaan ini ialah sistem sokongan yang tertentu seperti kehadiran kanak-kanak bersama warga emas di tempat tinggal yang sama."

Selain itu, kajian yang sama juga mendapati risiko penderaan kewangan meningkat dengan usia mangsa. Kumpulan umur 60 hingga 69 tahun didapati kurang berisiko berbanding dengan mereka yang berusia lebih daripada 70 tahun. Di samping itu, warga emas yang mempunyai kesihatan yang lemah juga berisiko lebih tinggi untuk menjadi mangsa. Kajian mendapati peratusan kematian adalah lebih tinggi dalam kalangan mangsa, yakni 23 peratus daripada responden meninggal dunia selepas enam tahun hidup dalam penderaan.



LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN

Peranan orang awam

- Cakna terhadap gejala penderaan dan pengabaian warga emas
- Mempelajari cara mendapatkan bantuan dan melaporkan kejadian penderaan warga emas kepada pihak berwajib

Peranan warga emas

- Sentiasa menghubungi ahli keluarga dan sahabat handai
- Mempelajari hak sebagai warga emas
- Menggunakan khidmat pakar atau profesional yang tersedia untuk bantuan sokongan
- Memastikan status kewangan dan urusan perundangan terkawal
- Berunding dengan peguam atau ahli keluarga yang dipercayai sebelum membuat pelaburan atau pembelian yang besar
- Mengoyakkan dokumen bank, resit kad kredit dan rekod kewangan sebelum membuangnya
- Semak dan saring latar belakang individu / bakal penjaga

Peranan keluarga dan penjaga tidak rasmi

- Mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan sahabat yang lain
- Mengambil cuti rehat sekali-sekala daripada tugas menjaga warga emas
- Mendapatkan bantuan sokongan daripada pusat kesihatan setempat dan khidmat sosial





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Perdana Menteri Pertama Uzbekistan, Achilbay Jumaniazovich Ramatov dan pimpinan lain ketika rangka lawatan rasmi ke Uzbekistan.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menghadiri Majlis Pembukaan Forum Air Dunia Ke-10 (10th World Water Forum Summit) di Bali International Convention Centre (BICC), Nusa Dua, Indonesia.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa pada Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Haji Muasassah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2024/1445H.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil semasa lawatan kerja ke Pulau Bum-Bum berhampiran dengan perairan Semporna, Sabah.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menghadiri Majlis Makan Malam Amal Pink Ribbon bagi meraikan semangat perpaduan, kepelbagaian dan Hari Ibu.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo merasmikan MAIUG Banquet 2024, majlis makan malam amal kumpul dana bagi sekolah-sekolah Tamil anjuran Persatuan Graduan India Universiti Malaysia (MAIUG).

Rakan kongsi amal

Bank Muamalat cadang lantik YWP

HAZIRAH HALIM

BANK Muamalat bercadang untuk melantik Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sebagai rakan kongsi amal bagi pelaksanaan program-program kebajikan yang dilaksanakan khusus kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan asnaf di Wilayah Persekutuan.

Ketua Jabatan Kewangan Sosial, Bank Muamalat, **Zaharuddin Alias** berkata cadangan itu diutarakan memandangkan YWP sering terlibat dalam aktiviti-aktiviti kebajikan merangkumi bantuan makanan, pendidikan, teknologi, agama dan sebagainya.

"Kami bercadang untuk melantik YWP sebagai *charity partner* untuk menentukan projek-projek khas yang akan dilakukan dan dalam masa sama, kami boleh dapatkan dana awam melalui rakan

kerjasama yang lain.

"Setakat ini Bank Muamalat mempunyai empat rakan strategik yang dilantik dan tugas mereka adalah mengenal pasti projek-projek yang dilakukan pertubuhan tersebut.

"Kemudian pertubuhan itu akan memaklumkan kepada kami berapa jumlah peruntukan yang diperlukan namun setakat ini kami terhad kepada RM10,000 sahaja untuk satu projek dan mereka berhak mendapat pelepasan cukai selain akan diuar-uarkan kepada masyarakat melalui laman sesawang atau sosial media," katanya pada Majlis Penyerahan Mock Cheque Bank Muamalat kepada YWP di Wisma YWP pada Rabu.

Tambah Zaharuddin, pihaknya juga telah berbincang dengan



ZAHARUDDIN (dua dari kiri) menyerahkan cek sumbangan bernilai RM20,000 kepada Abdul Rahman (tiga dari kanan).

YWP untuk mewujudkan usahawan i-TEKAD dalam kalangan peniaga B40 dan asnaf di Wilayah Persekutuan selain membantu mereka mendapatkan pensijilan halal.

"i-TEKAD merupakan program

inisiatif kewangan sosial yang berkonsepkan pelaburan dan pembiayaan dalam menangani keperluan kewangan usahawan khususnya golongan asnaf dan B40 bagi memulakan dan meneruskan perniagaan.

"Kami juga berbincang untuk mengadakan kerjasama memberi pensijilan halal kepada mana-mana peniaga atau usahawan di Wilayah Persekutuan di mana mereka boleh menghubungi kami atau YWP.

"Dengan adanya sijil ini, ia dapat meningkatkan perniagaan, pengeluaran eskport ke negara luar serta menambah pendapatan mereka selain kami juga harap inisiatif ini dapat ditunjukkan kepada masyarakat bahawa kami adalah sebuah bank yang prihatin akan nasib B40 dan asnaf," ujar beliau.

Terdahulu, beliau hadir menyerahkan cek sumbangan bernilai RM20,000 untuk Program Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah kepada Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj.

Khushairi tumpu pembangunan belia dalam sukan

"**ALHAMDULILLAH** kemenangan ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus membawa suara belia serta membangunkan potensi mereka sebagai tonggak utama masa hadapan negara," ujar **Khushairi Aizad Jamalludin**.

Beliau dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kategori lelaki individu.

"Selepas 15 tahun penglibatan dalam pembangunan belia dan sukan bermula di kawasan AU5D Lembah Keramat membuktikan segala usaha membantu golongan belia dan masyarakat terutama dalam aspek pengurusan belia dan pembangunan sukan tidak sia-sia.

"Berbaki beberapa tahun lagi untuk berbakti kepada masyarakat

di platform belia ini, saya ingin menguar-uarkan ini adalah tempat untuk membangunkan diri kita dari segi keterampilan, pendidikan dan pengalaman berinteraksi dengan orang ramai dan menguruskan acara," katanya kepada *Wilayahku*.

Khushairi yang merupakan Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berkata wang kemenangan sebanyak RM3,000 yang diperoleh akan digunakan bagi pelaksanaan Program Jelajah Anak Muda Setiaawangsa yang telah dirancang.

"Ini adalah program pertama yang saya akan lakukan selepas pengiktirafan di mana saya akan menumpukan kepada golongan belia di kawasan perumahan setempat.

"Saya mahu mencari pelapis-pelapis muda untuk turut terlibat

dalam pembangunan belia dan dalam masa yang sama saya akan menurunkan ilmu tentang bagaimana hendak menyertai kelab belia, menguruskan pentadbiran dan acara termasuk kertas kerja," ujar beliau yang juga Presiden Kelab Bola Sepak Setiaawangsa Rangers.

Dalam aspek pembangunan sukan pula, dia yang kini menggalas tanggungjawab selaku pengurus pasukan bola sepak Wanita Wilayah Persekutuan turut mahu melihat program pembangunan sukan dalam kalangan kumpulan sasar itu berhasil selari misi memperkasakan wanita dalam sukan.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat WPKL 2024 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara.



PARA pemenang bersama Zaliha (tengah) selepas penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat WPKL 2024 baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, Mohd Nizam Haji Ismail dan Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan, Khairul Rizam Abu Samah.

Selain Khushairi, johan kategori individu wanita dirangkul Dr Losheni Gunasegaran sementara Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia WPKL muncul johan kategori pertubuhan belia.

Kediaman anak Amir UK's terbakar

DEEL ANJER

KEDIAMAN dua tingkat milik anak kepada vokalis Amir UK'S, Mohd Aliff Naim Mohd Azmir yang terletak di Taman Mewah, Kajang terbakar pada malam Sabtu minggu lalu.

Menurut isteri kepada Aliff, **Nur Farhana Nor Afandi**, bahagian tingkat atas kediaman mereka hangus dan tiada satu barang pun yang sempat diselamatkan.

"Biarpun api tidak sempat merebak ke tingkat bawah namun kesan tersebut menyebabkan banyak peralatan rumah tidak dapat digunakan lagi," ujarinya sebak.



NUR FARHANA

Berkongsi lanjut tentang kejadian tersebut, Farhana berkata insiden kebakaran pada pukul 9 malam menyebabkan kerugian sebanyak RM200,000.

"Kami mula sedar apabila dua orang anak saya melihat bilik tingkat atas yang dijadikan stor terbakar. Bayangkan api merebak dengan pantas ke bilik-bilik lain.

"Saya, suami dan bayi yang ketika itu di tingkat bawah sedang menonton televisyen terus bergegas membawa anak-anak keluar. Tiada apa pun barang yang dapat kami

selamatkan melainkan telefon bimbit.

"Sebaik sahaja kami keluar rumah, api merebak ke bilik sebelah dan meletup disebabkan gas penghawa dingin di bilik itu. Situasi ini menyebabkan semua bilik bahagian atas hangus," ujarinya.

"Kini dia dan keluarga terpaksa menumpang di rumah bapa saudara selain berikhtiar untuk membeli pulih rumah tersebut namun kos yang besar agak merumitkan keadaan," ujarinya.

Bagi ingin membantu keluarga ini boleh menyalurkan sumbangan ke akaun CIMB, **7016032125**.



TANGKAP layar insiden kebakaran yang membawa kerugian berjumlah RM200,000.

TAK PASTI JANGAN KONGSI




Video



Amaran!

Jangan sebar video yang mengandungi perkara menyakiti hati, mengganggu dan mengancam orang lain



Abaikan



1:56 / 5:00



PENGHANTARAN KOMUNIKASI YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI
TERSEBUT ADALAH SATU PERBUATAN YANG DILARANG
DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

[AKM 1998]



Pekerja pembersihan sering dihina ketika bekerja

Cekal pastikan Labuan bersih dan selesa

KHAIRUL IDIN

SERING bergelulang dengan sampah dan kotoran lain selain berisiko dijangkiti penyakit berbahaya tidak sedikitpun mematahkan semangatnya untuk terus memastikan setiap inci Labuan kekal bersih dan indah.

Pengorbanan yang dilakukan oleh wira yang tak tidak didendang ini bukan sahaja memastikan persekitaran bersih dan selesa, malah mereka sanggup berpanas, berhujan sert menggadaikan nyawa bagi memastikan warga Labuan dapat menikmati kualiti hidup yang terbak seperti bandar raya lain.

Menurut kenyataan Jabatan Perbandaran Perbadanan Labuan (PL) pihaknya menguruskan sisa pepejal lebih 1,000 tan sehari melalui kakitangan Seksyen Pembersihan malah jumlahnya boleh menjangkau dua kali ganda ketika musim perayaan sebelum ia dibawa ke Pusat Pelupusan Sisa Pepejal di Bukit Kalam.

Pembantu Awam PL, **Jaafar Ibrahim**, 55 yang sudah berkhidmat dengan PL sejak 18 tahun lalu berkata biarpun dibelenggu dengan bau busuk serta keadaan yang tidak selesa, dia reda kerana ia merupakan rezeki halal untuk keluarga selain berpuas hati apabila dapat memastikan persekitaran pulau ini bersih.



SAZALI sedang melakukan kerja-kerja memungut sampah pepejal di Pasar Sentral.



“Bekerja

sebagai

pembantu awam ini sudah pasti perlu menghadapi kotoran sampah, busuk dan meloyakan dan ada kala berdepan dengan pelbagai haiwan berbisa antara perkara yang sudah biasa ditempuhi.

“Selain itu, saya pernah dikejar anjing ketika bekerja dan ia merupakan perkara biasa dan ia

adalah perkara biasa yang perlu kami hadapi setiap hari dan itu adalah sumbangan yang kami curahkan kepada masyarakat khususnya kepada Labuan,” katanya.

Sementara itu, rakan sekerjanya, **Sazali Salim**, 50, menceritakan sejak hari pertama memulakan tugas, beliau sudah biasa dicemuh penduduk serta dipandang hina disebabkan bekerja sebagai pengutip sampah.

“Saya pernah bertegang urat

dengan orang ramai yang mungkin tidak memahami tugas kami dan sering juga tidak dilayan atau disapa dan kami menganggap itu

adalah perkara biasa,” katanya.

Sazali berkata, meskipun sering berhadapan dengan pelbagai situasi namun dia dan rakan sekerjanya

menganggap ianya sebagai cabaran dalam pekerjaan dalam usaha

memastikan pulau ini bersih dan indah.

“Kami tidak diminta untuk dihargai atau sebagainya namun apa yang saya dan rakan-rakan sekerja hanya memohon kerjasama dengan masyarakat di pulau ini untuk memberikan kerjasama dan menjaga kebersihan agar menjamin kesejahteraan kita bersama demi memberi kehidupan yang lebih selesa buat semua,” katanya. 



JAAFAR



SAZALI

Terima kasih PM ambil berat kehidupan kami - Pesara kerajaan

MESKIPUN sibuk mengurus negara, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak melupakan penduduk Labuan malah mewakili Setiausaha Politik, **Datuk Azman Abidin** menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 200 pelajar dan asnaf menerusi Program Ramah Mesra Madani Bersama Anak-Anak Yatim dan Asnaf di Dewan Serbaguna, Perbadanan Labuan baru-baru ini.

Menurut **Mahadi Haris**, 71, bantuan yang diterima itu tepat pada waktu berikutan keadaan harga barang yang meningkat menyebabkan terpaksa menguruskan perbelanjaan dengan lebih berhemah.

Jelasnya, bantuan yang disalurkan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Madani terhadap golongan kurang berkemampuan.

“Walaupun saya mewakili bapa cucu saya, namun bantuan ini amat dinanti-nantikan oleh ramai ibu bapa dan pelajar. Saya turut berharap bantuan seperti ini akan teruskan pada masa akan datang demi pendidikan anak cucu kita,” katanya kepada Wilayahku.

Bagi penjawat awam, **Azli Mahali**, 55, menzahirkan kesyukuran kerana bantuan yang diterima dapat membantu meringankan bebannya khususnya dalam menyediakan perbelanjaan

sekolah anaknya.

“Ketika ini, kos sara hidup amat meningkat dan ia juga turut dirasai dalam perbelanjaan persekolahan anak-anak. Dengan bantuan ini dapatlah kami menggunakannya untuk menampung perbelanjaan harian atau pembelian alat kelengkapan sekolah anak,” katanya.

Bagi pelajar Tingkatan 2 pula, **Noratirah Syahera Mohd Aras**, nyata amat gembira apabila menerima bantuan ini dan merancang untuk menggunakan bantuan kewangan ini untuk membeli alat kelengkapan yang baharu dan membeli buku-buku rujukan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail. 



AZMAN (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada para pelajar pada Program Ramah Mesra Bersama Anak Yatim dan Asnaf di Labuan, baru-baru ini.



NORATIRAH

Sumbangan khas tampung perbelanjaan bakal jemaah

DIANA AMIR

REZEKI buat 579 jemaah haji yang juga warga Putrajaya apabila menerima sumbangan berjumlah RM500 seorang pada Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Haji Muasassah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2024/1445H baru-baru ini.

Salah seorang penerima, **Siti Azzah Abdul Razak**, 49, bersyukur menerima bantuan tersebut dan menyifatkan sebagai rezeki menunaikan rukun Islam kelima.

“Kita tak tahu mungkin ada bayaran tambahan yang akan dikenakan di sana nanti jadi wang ini la yang akan digunakan semasa di tanah suci termasuk kos makan, minum dan lain-lain.

“Terima kasih kepada pihak yang memberi sumbangan kerana sedikit sebanyak dapat meringankan perjalanan bakal jemaah. Semoga program ini diteruskan pada masa akan datang,” ujarnya yang juga merupakan Pegawai Penilaian Perbadanan Putrajaya (PPj).

Berkongsi detik menerima panggilan haji, Siti Azzah berkata

dia seakan tidak percaya pada mulanya namun gembira kerana dapat pergi bersama-sama rakannya.

“Saya memang ada buat permohonan bersama rakan dan pada mulanya dia yang beritahu telah mendapat surat tawaran. Kebetulan pada masa itu saya di Makkah menunaikan umrah dan apabila semak saya juga dapat surat tawaran tersebut.

“Alhamdulillah macam tak percaya dan sangat seronok. Perasaan risau memang ada tapi apa pun kita kena sentiasa berfikir positif,” katanya yang akan berlepas pada 25 Mei ini.

Sementara itu, perasaan pertama kali sebagai Dhuyufurrahman membuatkan **Hasanah Malek**, 64, terharu diraikan orang sekeliling.

“Begini la perasaan menjadi tetamu Allah, mulianya Allah kepada jempunan Dia dan orang sekeliling juga meraikannya. Itulah kebesaran Allah,” ujarnya.

Bakal bertolak pada 6 Jun ini, Hasanah berkata persiapan awal telah dilakukan dengan rapi bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika berada di Makkah.



SITI AZZAH



HASANAH



ZALIHA (kanan) beramah mesra bersama penerima sumbangan.

“Pemeriksaan kesihatan sudah dibuat dan alhamdulillah semua berjalan lancar, barang keperluan lain juga telah dibeli.

“Apabila mendapat surat tawaran, Tabung Haji ada buat kumpulan *WhatsApp* untuk para bakal jemaah haji dan di situ juga terdapat mereka yang sudah berpengalaman berkongsi ilmu. Ia sangat membantu kami yang baru pertama kali menjejaskan kaki di sana,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Hasanah

berkata Sumbangan Khas Haji Muasassah dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh bakal jemaah haji.

“Mungkin wang ini akan digunakan untuk bersedekah atau menampung perbelanjaan makan ketika berada di sana,” ujarnya.

Dalam pada itu, Hasanah berharap agar semua jemaah mendapat haji yang mabrur dan buat mereka yang belum dijemput bakal menjadi tetamu Allah pada suatu hari nanti.

Terdahulu, buat julung kalinya

Jabatan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama PPj mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Haji Muasassah Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2024/1445H.

Program yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa itu menyantuni seramai 2,204 penerima dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.102 juta. 

Kesedaran pulihara alam sekitar

Tukar minyak masak terpakai kepada duit

SABRINA SABRE

PIHAK berkuasa tempatan, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengajak orang ramai mengitar semula minyak masak terpakai dalam usaha menjaga alam sekitar dan ekosistem di negeri ini.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, usaha tersebut dapat menjana pendapatan warga Putrajaya melalui pertukaran minyak masak terpakai dengan wang tunai sebanyak RM3.10 sekilogram.

“Dalam masa sama, ia juga bagi menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan komuniti Putrajaya serta meningkatkan kesedaran pelupusan minyak masak secara mampan dengan mendidik mereka tentang kepentingan menggunakan minyak masak dan kesannya terhadap alam sekitar jika tidak diuruskan dengan betul.

“Selain itu, inisiatif pihak PPj dengan kerjasama AFES itu juga dilihat mampu mendidik masyarakat untuk menjaga kebersihan di rumah

dengan tidak membuang minyak masak terpakai ke dalam longkang kerana boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar, pembiakan lipas, tikus dan nyamuk serta berlakunya banjir,” ujar beliau.

Mohd Helmi berkata penggunaan minyak masak terpakai berulang kali boleh memudaratkan kesihatan dan pencemaran alam sekitar.

“Sehubungan itu, pihak bertanggungjawab perlu melakukan kempen bagi memberi kefahaman kepada orang ramai untuk memastikan perkara

ini berjaya direalisasikan sepenuhnya,” ujarnya.

Mohd Helmi berkata sejak mula diperkenalkan, kempen kitar semula minyak masak terpakai ternyata semakin mendapat sambutan apabila PPj berjaya mencatat peningkatan dalam jumlah pungutan minyak.

“Alhamdulillah, program yang telah dilaksanakan sejak Mei lalu ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Penduduk bukan sahaja dapat menjana pendapatan sampingan bahkan kesedaran



DR HELMI



KOMUNITI Sub Zon 3 Putrajaya turut serta dalam Program Jom Biodiesel.

berkaitan aktiviti kitar semula ini juga dapat ditingkatkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu selain dari Pusat Kitar Semula (PKS) di Presint 9, penduduk juga boleh menghantar minyak masak terpakai mereka di Pusat Kitar Semula Presint 18 dan

Drive Thru Recycling Centre Alam Flora (DTRC) Presint 20.

Untuk rekod, minyak masak terpakai boleh dikitar semula untuk dijadikan produk bukan makanan seperti biodiesel sebagai ganti bahan api fosil yang lebih mesra alam.

Bagi pengeluar biodiesel, ia akan ditapis melalui beberapa peringkat sebelum melalui proses kimia untuk dijadikan bahan api kenderaan atau biodiesel. Di samping itu, ia juga boleh digunakan untuk membuat lilin, pencuci, sabun serta makanan haiwan. 

Sukan angkat berat pertaruh 16 pingat

WiPers janji pamer aksi cemerlang

SABRINA SABRE

PASUKAN Angkat Berat Putrajaya berjaya menggondol empat pingat emas, satu perak dan dua gangsa pada Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa Senior Dan Remaja King's Cup EGAT 2024 yang berlangsung di Nakhon Si Thammarat, Thailand.

Kejayaan tersebut membolehkan Pasukan Angkat Berat Putrajaya menduduki tempat keempat keseluruhan pada kejohanan yang dijadikan sebagai medan pemanas badan bagi atlet yang akan ke Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak pada Ogos nanti.

Menurut Pengurus Pasukan Angkat Berat Putrajaya, **Ahmad Janius Abdullah**, seramai tujuh orang atlet angkat berat Putrajaya bertanding dalam kejohanan pada 20 hingga 30 April itu.

"Dua pingat emas dimenangi oleh Afiz Haziq Daniel Rohizanudin dalam kategori bawah 89 kilogram (kg) senior lelaki sementara Mohamad Syahmi Nor Ghazali merangkul satu emas dan dua gangsa dalam kategori yang sama.

"Selain itu, Abdila Iyad Abdul Jalil yang bertanding dalam kategori bawah 96kg senior lelaki membawa pulang satu emas manakala Ahmad Darwisy Zharfan Ahmad Tharmidzi



PASUKAN Angkat Berat Putrajaya menduduki tempat keempat dalam kejohanan di Thailand baru-baru ini.

meraih satu perak dalam kategori bawah 55kg remaja lelaki.

"Kejohanan ini merupakan pentas terbaik untuk atlet angkat berat Wilayah Persekutuan (WiPers) menguji kemampuan menjelang SUKMA nanti.

"Kami juga mahu menilai

ketahanan mental atlet serta bagaimana cara mereka mengatasi tekanan dan debaran dalam kejohanan yang kompetitif bagi membolehkan atlet membiasakan diri dengan suasana dalam kejohanan besar," ujar beliau.

Dengan berbaki lebih kurang

tiga bulan menjelang SUKMA, Ahmad Janius berkata persiapan atlet angkat berat WiPers kini berada di fasa terakhir.

"Saya berharap atlet dan jurulatih dapat membuat penambahbaikan dari segi latihan kekuatan fizikal dan ketahanan

mental," ujarnya.

Pada SUKMA ke-21 nanti, sukan angkat berat akan dipertandingkan di Betong, Sarawak bermula 19 hingga 23 Ogos 2024 dengan mempertaruhkan 16 pingat emas.



Pertimbang Program Harimau Muda

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) sedang melihat potensi untuk mewujudkan kembali Program Harimau Muda sebagai platform kesinambungan kepada pembangunan pemain muda negara.

Presiden FAM, **Datuk Hamidin Mohd Amin** berkata perancangan untuk mewujudkan semula skuad yang akan dibarisi pemain Bawah 23 Tahun (B-23) itu akan dibincangkan bersama Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh memandangkan pelaksanaannya melibatkan kos tinggi.

Ahli Majlis Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) bagi penggal 2023-2027 itu berkata pasukan berkenaan akan dihantar beraksi dalam saingan liga di luar negara sama seperti dilalui skuad Harimau Muda terdahulu sekiranya bersesuaian.

"Kami akan berbincang dengan menteri untuk wujudkan balik Harimau Muda A ataupun B di mana *payroll under* FAM dan mungkin nak hantar pasukan ini ke luar negara jika bersesuaian bermain di liga luar negara macam yang pernah dibuat dulu.

"Seterusnya mungkin ada sesetengah pemain dah terikat dengan kelab dan mungkin pemain yang berminat boleh dipinjamkan kerana kemudian FAM akan pulangkan balik kepada kelab tersebut tapi mereka dapat pendedahan bermain



PEMAIN skuad Harimau Malaya.

di luar negara.

"Itu antara pilihan yang FAM mahu bincang dengan menteri. Kami lihat yang pentingnya di dalam sumber kewangan dan perbincangan dengan menteri," ujar beliau.

Hamidin berharap program itu akhirnya akan memanfaatkan pasukan senior negara dalam misi FAM memastikan skuad Harimau Malaya kekal bersaing dalam Piala Asia selepas Malaysia

menamatkan kemarau 42 tahun layak secara merit ke Piala Asia 2023 di Qatar, Januari lepas.

"Piala Asia 2027 di Arab Saudi memang kena layak untuk kekal berada dalam kelompok 24 pasukan terbaik di Asia," ujarnya.

Menurut Hamidin yang juga Ahli Jawatankuasa Eksekutif Konfederasi Bolasepak Asia (AFC), idea mengembalikan Harimau Muda merupakan antara inisiatif FAM dalam satu program peringkat bawah umur yang sedang dirangka bagi menghadapi temasya sukan dan kejohanan penting akan datang.

Antara kejohanan tumpuan FAM, Sukan Olimpik 2028; Piala Dunia Bawah 17 dan Bawah 20 Tahun; Sukan Asia 2026 juga Sukan SEA 2025 dan 2027.

Justin juara Terbuka Slovenia 2024

PEMAIN badminton perseorangan lelaki negara, Justin Hoh muncul juara Terbuka Slovenia 2024 selepas berehat panjang akibat kecederaan yang dialaminya sebelum ini.

Pemain berusia 20 tahun itu bangkit daripada kekalahan set pertama untuk menewaskan pemain Indonesia, Prahdiska Bagas Shujiwo 19-21, 21-11, 21-15 pada perlawanan akhir di Dras Center, Maribor.

Justin yang kini menduduki ranking ke-179 dunia adalah pemain kedua Malaysia yang merangkul gelaran perseorangan lelaki pada kejohanan itu selepas kemenangan Ramdan Misbun pada tahun 2013.

Terdahulu, atlet kelahiran Kuala Lumpur itu terpaksa berehat selama lapan bulan akibat kecederaan tendon Achilles pada April tahun lalu.

Tidak lama selepas kembali daripada pembedahan, dia cedera di lutut kanan pada November dan terlepas Kejohanan Badminton Berpasukan Asia 2024 di Setia Alam pada Februari yang mengakibatkan ranking dunianya jatuh daripada 50 teratas kepada bawah 200.

Bagaimanapun, Justin berjaya bangkit dan kembali beraksi secara kompetitif dalam Cabaran Antarabangsa Toyota di Thailand dari 26 hingga 31 Mac 2024 dan kemudiannya membantu pasukan negara merangkul pingat gangsa Piala Thomas di Chengdu, China, sebelum bertanding di Slovenia.



HAMIDIN

Blockout 2024: Artis popular akur saranan Menteri Agama

DEEL ANJER

KECOH gerakan Blockout 2024 dalam media sosial yang tercetus baru-baru ini. Malah masih menjadi bualan sehingga ke hari ini.

Kempen yang berasal dari luar negara itu difahamkan adalah salah satu cara menunjukkan sokongan terhadap pergolakan di Palestin dengan cara memboikot selebriti atau mempengaruhi yang tidak

menggunakan medium media sosial mereka sebagai ruang untuk bersuara berhubung kekejaman Israel.

Namun niat yang baik itu telah disalahgunakan apabila terdapat segelintir netizen yang mengambil tindakan ekstrem termasuk memfitnah, mencaci dan mengugut dalam menunjukkan tanda solidariti kepada rakyat Palestin.

Menyedari hal itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata apa juga tindakan yang diambil dalam kempen solidariti wajar dibuat atas asas kebenaran, ilmu dan akhlak.

Saranan Na'im itu bukan sahaja mendapat sokongan masyarakat malah selebriti tanahair juga turut bersetuju dengan perkara tersebut.

Jangan sampai pecah belah

MENYENTUH tentang isu Blockout 2024, pelakon utama filem The Experts, **Mimi Lana** berharap masyarakat tidak berpecah belah dan arif tentang apa misi kita dan kenapa gerakan itu dilancarkan.

"Blockout 2024 itu sendiri menganjurkan agar kita semua bersatu menentang kezaliman Israel. Janganlah bawa isu ini sampai pecah belah. Ia dilaksanakan supaya semua umat Islam bersatu dan sama-sama menolong penduduk Palestin yang amat memerlukan suara kita untuk ke arah betul.

"Mereka sudah berada di hujung-hujung, jadi janganlah kita berbalah," katanya pada Majlis Malam Gala Filem The Experts di sebuah pusat membeli belah di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, Mimi juga sedar semua orang mengambil

tahu dan menolak sekeras-kerasnya kezaliman yang dilakukan Israel kepada negara Islam itu.

"Saya yakin rakyat Malaysia cakna dengan pergolakan yang berlaku dan saya yakin semua orang memihak kepada Palestin.

"Saya sokong 100 peratus gerakan itu jika ia dapat memberi tekanan kepada jenama yang terang-terangan memberi sokongan dan sumbangan kepada Israel," katanya.

Dalam perkembangan lain, selain Mimi Lana, pelakon lain yang terlibat dalam filem The Experts ialah Datuk Aaron Aziz, Remy Ishak dan Syafiq Kyle.



Usah salahkan selebriti semata-mata

PELAKON yang popular menerusi drama bersiri Lelaki Itu, **Ameerul Asyraf**, berharap netizen tidak menyalahkan artis semata-mata dalam isu Blockout 2024.

"Saya sebenarnya tidaklah pandai sangat untuk komen tentang Blockout 2024, tapi ini adalah komen saya sendiri secara peribadi. Bukan apa, takut juga kalau tersalah cakap.

"Sebagai *public figure*, saya tengok ramai selebriti bersuara tentang isu Palestin ini di platform media sosial masing-masing. Itulah peranan kami dalam isu ini, bukan sahaja sebagai artis tetapi juga umat Islam.

"Menyentuh tentang artis terima kerjasama dengan produk dari Israel yang menyebabkan

mereka tersenarai dalam Blockout 2024 itu, jangan salahkan artis semata-mata.

Pasti ada sebab dan alasan tersendiri yang orang lain tak tahu," ujarnya.

Tambahnya, selebriti yang membuat hantaran di media sosial berkaitan produk tersebut

biasanya telah dipersetujui awal.

"Iyalah, ia juga salah satu punca pendapatan mereka selain perlu memikirkan anak-anak dan komitmen lain.



Jika persetujuan awal dibuat, mereka perlu buat *posting* tetapi biarlah apa yang perlu sahaja, jangan berlebih-lebih," katanya.

Ameerul juga berpendapat kurang membuat *posting* dalam media sosial tidak bermaksud seseorang artis itu tidak membela nasib rakyat Palestin.

"Bagi saya, tidak semestinya apabila kita tidak menyuarakan (isu Palestin) dalam media sosial, itu bermaksud kita tak ambil tahu atau ambil berat. Saya sendiri sebagai manusia biasa rasa sedih dan kecewa melihat kezaliman ke atas saudara Islam kita di sana.

"Bukan itu sahaja, bacaan qunut nazilah juga salah satu cara afdal untuk kita terus membela nasib Palestin. Begitu juga dengan gerakan solat Subuh seperti Jumaat yang digerakkan oleh Alif Satar. Rasanya gerakan ini lebih memberi impak dalam kita menyokong Palestin, di mana kita semua berdoa secara berjemaah," ujarnya.



Islam pentingkan adab dalam berbicara

BAGI pelakon filem Ratu Kala Jengking, **Nadia Brian** mengakui setiap orang ada cara tersendiri dalam meluahkan rasa benci dan marah terhadap kezaliman Israel ke atas umat Islam di Palestin.

Katanya, dalam isu boikot termasuklah Blockout 2024, semuanya adalah hak masing-masing namun adab perlu dijaga dalam apa jua situasi.

"Saya kalau boleh tak mahu sentuh tentang siapa-siapa kerana setiap orang ada alasan tersendiri.

"Cuma apa yang saya boleh cakap, dalam isu Blockout 2024 ini, janganlah kita memboikot mana-mana selebriti sehingga mengungkap kata-kata penghinaan atau ugutan.

"Tegur tak salah. Boikot pun tak salah, itu hak masing-masing. Namun kita harus tahu, dalam agama pun amat mementingkan tentang adab.

"Saya sendiri pun sangat mengambil tahu dan menyatakan solidariti dalam membela saudara kita di sana selain menentang sekeras-kerasnya tindakan zalim Israel," ujarnya.

Namun katanya, dia tidak pernah sesekali menyalahkan mana-mana individu kerana semua orang ada cara masing-masing menunjukkan protesnya terhadap Israel.

"Saya harap semua rakyat bersatu dalam memboikot produk Israel, dalam masa yang sama tidak menyalahkan mana-mana pihak sehingga menjejaskan keharmonian dalam masyarakat.

"Kita semua buat perkara baik untuk membela Palestin, tapi janganlah sampai kita sendiri kucar-kacir dan bergaduh sesama sendiri. Sekalipun dalam media sosial, jagalah hubungan sesama kita. Tegur dan kritikan membina bagus, tapi bahasa dan adab kena jaga," tambahnya lagi.



WILAYAHKU

● BIL 263 ● 24 - 30 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



PPZ-MAIWP pupuk kesedaran masyarakat Islam

Sasar kutipan zakat harta RM1.1 bilion

HAZIRAH HALIM

“KUALA Lumpur merekodkan jumlah kutipan zakat tertinggi manakala Labuan mencatatkan jumlah agihan tertinggi pada tahun 2023,” ujar Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), **Datuk Abdul Hakim Amir Osman**.

Beliau berkata di antara ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, jumlah kutipan zakat di Labuan lebih rendah iaitu 13.5 juta berbanding jumlah agihan zakat iaitu 10 juta.

“Ini kerana, Labuan mempunyai populasi miskin bandar yang lebih ramai dan diklasifikasikan sebagai golongan asnaf dan memerlukan jadi agihannya lebih tinggi berbanding Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk itu, pada tahun ini kita naikkan kepada 100 juta agihan di Labuan,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, beliau berkata PPZ-MAIWP menyasarkan kutipan zakat harta sebanyak RM1.1 bilion bersamaan 245,000 pembayar zakat pada 2024.

“Sasaran itu turut menetapkan kutipan zakat fitrah sebanyak RM15 juta bersamaan 1,690,000 orang dan wakaf tunai berjumlah RM13.5 juta mewakili 26,400 orang pada tahun ini.

“Ia adalah sebahagian daripada perancangan tahunan 2024-2025



ABDUL HAKIM melalui PPZ-MAIWP giat memupuk kesedaran berzakat dalam kalangan umat Islam.

yang ditetapkan PPZ-MAIWP selepas berjaya mencapai 74.5 peratus atau 345.755 pembayar zakat yang menunaikan zakat pada tahun 2023.

“Kita masih berpotensi untuk menyeru seramai 25.5 peratus atau 115,273 umat Islam yang masih belum menunaikan zakat di PPZ-MAIWP. Peratusan ini diambil secara kasar, mungkin

mereka membayar zakat di tempat lain.

“Ini yang kami kena cari untuk mencapai *target* RM1.1 bilion kutipan zakat menjelang 2025. Namun perancangan teliti daripada aspek tingkah laku pembayar zakat khususnya perlu difokuskan,” katanya ketika sesi temu bual khas bersama *Wilayahku*.

Beliau berkata pihaknya terlebih

dahulu perlu mengenal pasti jumlah prospek (pembayar zakat) di ketiga-tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang layak membayar zakat.

“Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara (JPN), jumlah penduduk di Wilayah Persekutuan adalah 1.96 juta orang merangkumi umat Islam dan bukan Islam serta lain-lain agama.

“Manakala data pada tahun 2020 memperlihatkan, jumlah penduduk Islam di Wilayah Persekutuan yang menetap dan bekerja dalam lingkungan umur 15 tahun ke atas adalah seramai 697,786 orang.

“Selain itu, potensi jumlah umat Islam yang bekerja dan layak membayar zakat (bergaji dan berpendapatan RM4,000 ke atas) adalah seramai 464,028 orang merangkumi 66.5 peratus. Daripada jumlah inilah, kami jangka ia adalah prospek dan layak untuk membayar zakat,” jelasnya.

Justeru itu, pihaknya kini sedang bekerjasama dengan rakan-rakan strategik meliputi agensi kerajaan dan swasta untuk memupuk kesedaran kepada masyarakat untuk membayar zakat di samping akan terus bekerjasama rapat dengan MAIWP bagi pelaksanaan agihan zakat.

“PPZ-MAIWP memainkan

peranan dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kewajipan berzakat. Walaupun begitu, kami masih berhadapan dengan pelbagai cabaran terutama untuk mendapat kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat,” ujar beliau.

Selain zakat, pihaknya juga diamanahkan untuk mengutip wakaf di mana ia merupakan salah satu faktor pembangunan ekonomi negara melalui sektor antaranya sosial, perumahan/hartanah, kesihatan, kecemasan dan pendidikan.

“Sumber wakaf itu mampu membantu ramai orang khususnya pelajar sekolah melalui Tabung Wakaf Pendidikan di mana pihaknya sedang mencukupkan dana bagi menyediakan kelengkapan dan peralatan pengajian untuk mereka,” kata beliau.

Bagi mana-mana individu mahupun syarikat yang mahu melakukan wakaf, ia boleh dilaksana di mana-mana kaunter PPZ-MAIWP atau secara dalam talian di wakafppz.com.my serta bayaran zakat juga boleh ditunaikan secara dalam talian melalui laman sesawang www.zakat.com.my atau kunjungi mana-mana 10 kaunter cawangan di sekitar Wilayah Persekutuan.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNGBARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU: PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJS STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAB ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■
PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■
LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCHA-RANCHA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

Maklumat lanjut sila dapatkan di www.wilayahku.com.my

